



Hujung Minggu

پروونز

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.47

SUBUH 4.57 SYURUK 6.15 DUHA 6.38

ZUHUR 12.23 ASAR 3.34

MAGHRIB 6.29 ISYAK 7.40

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 102

26 OGOS 2023 / 1445 صفر 9

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahsabuna'llahu Wani'malwakeel, Walaha'ula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Perkuuh kerjasama serantau, majukan tindakan iklim

Siaran Akhbar : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Ogos. - Mesyuarat Ke-17 Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN (AMME) dan Mesyuarat Ke-18 Conference of the Parties (COP) kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan telah diadakan pada 23 - 24 Ogos 2023 di Vientiane, Lao PDR.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut mengambil maklum mengenai pencapaian dan kemajuan usaha kerjasama serantau dalam menangani isu-isu alam sekitar.

Negara Brunei Darussalam (NBD) telah diwakili oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Pemangku Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohammad Salleh; pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan dan dari Sekretariat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat menghargai keutamaan-keutamaan semasa Indonesia mempergerusikan Mesyuarat ASEAN 2023, dalam memupuk kerjasama serantau dalam memajukan tindakan iklim, menggalakkan pemuliharaan biodiversiti, memerangi pencemaran plastik marin dan merealisasikan bandar yang berdaya tahan.

>> Muka 4

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Thailand yang baru.

Pelucutan keahlian, gelaran

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Ogos. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan sokongan Majlis Mesyuarat Adat Istiadat bagi pelucutan keahlian sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Diraja

dan pelucutan gelaran Pehin Orang Kaya Shahbandar yang dikurniakan kepada Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha, serta ditarik balik semua Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan yang telah dikurniakan kepadanya.

Pelucutan keahlian sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan pelucutan gelaran Pehin Orang Kaya Shahbandar serta penarikan balik Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan berkenaan berkuat kuasa pada hari ini, Khamis, 7 Safar 1445 bersamaan 24 Ogos 2023.

ASEAN tangani cabaran berkaitan perdagangan

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

INDONESIA, Khamis, 24 Ogos. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-55

(AEM Ke-55) dan Mesyuarat Berkaitan yang diadakan pada 19 Ogos hingga 22 Ogos 2023 di Semarang, Indonesia.

>> Muka 3

MANISNYA IMAN
 "DAN katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : Beramallah kamu maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat amalan kamu dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang Maha Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata lalu Dia memberitahu kepada kamu tentang apa yang kamu telah kerjakan".
 - Firman Allah Subhanahu Wata'alai dalam Surah at-Taubah, ayat 105.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



61 pelajar terima biasiswa kerajaan ke luar negara

Muka 9



PERTANDINGAN Inovasi Produk Halal labuh tirai

Muka 12



LAKSANAKAN amalan perniagaan beretika

Muka 25



RENCANA

'SINJANG Malas' Wadi menjadi pilihan masa kini

Muka 27

Sentiasa tangkas dan adaptable sahut evolusi mendatang

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahamanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,
Wabihees Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat sama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-35 Universiti Brunei Darussalam pada pagi ini.

Beta dengan ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Ucapan tahniah ini juga ditujukan kepada para ibu bapa, penjaga dan tenaga ahli akademik atas dorongan dan sokongan mereka di sepanjang tempoh pengajian di UBD.

Beta yakin para graduan sudah bersedia untuk mengharungi cabaran-cabaran baharu yang bakal ditempuh berikutnya suasana dunia yang semakin mencabar dengan perubahan-perubahan pantas di luar jangkaan. Sebagai contoh, teknologi kecerdasan atau Artificial Intelligence (A.I.) yang sangat挂at pada masa ini telah membawa perubahan besar, termasuk kepada sektor pendidikan dan perundangan yang belum pernah dialami sebelumnya ini.

Sebagai sebuah universiti yang paling tua di Negara Brunei Darussalam, UBD memiliki kapasiti untuk mengetuai pencetusan idea memanfaatkan kesan positif A.I. terhadap masyarakat. Ini termasuklah penggunaan A.I. dalam meningkatkan kecekapan di tempat kerja.

Dalam hubungan ini, beta juga menyarankan agar UBD dan institusi pengajian tinggi yang lain akan memikirkan dan menyediakan garis panduan untuk memanfaatkan kecekapan dan produktiviti yang dapat diperoleh dari gabungan penggunaan kecerdasan buatan dengan kecerdasan semula jadi manusia. Dengan adanya garis panduan ini nanti akan dapatlah diharapkan penggunaan yang telus, berintegriti dan beretika bagi mencegah penyalahgunaan A.I. Pada masa yang sama juga, garis panduan ini akan mengukuhkan lagi tadbir urus dan rangka kerja bagi usaha-usaha transformasi digital kebangsaan ke arah menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Smart Nation.

Perkembangan seperti ini diperlukan untuk sentiasa tangkas dan adaptable bagi menyahut evolusi yang sentiasa mendatang.

Alam pekerjaan juga tidak terlepas dari mengalami keadaan sentiasa berubah dan sukar diramal. Maka sehubungan itu, beta menyambut baik usaha UBD membangunkan satu portal digital pencarian pekerjaan iaitu CareerBN yang dilengkapi dengan kemampuan *machine learning* dan A.I. Ini dilihat mampu untuk kemudahan pengurusan profil, *job notification*, *job matching* dan akses mudah kepada majikan dan lain-lain.

Selain dari itu pencarian pekerjaan, beta juga tidak jemu-jemu menggalakkan para graduan supaya meneroka peluang keusahawanan. Bidang ini mampu untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan mencipta peluang-peluang baharu perniagaan dan pekerjaan. Oleh itu, beta suka-suka mengambil maklum bahawa UBD telah merangka satu Entrepreneurship Blueprint bagi memastikan ekosistem



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Kali Ke-35 pada Isnin, 21 Ogos 2023 di Dewan Canselor UBD.

keusahawanan para pelajar UBD adalah lebih teratur dan komprehensif. Beta berharap usaha ini akan benar-benar menyuntik minda keusahawanan di kalangan para pelajar.

Dari sini akan dapat dilihat betapa sebuah universiti itu mampu untuk berperanan mencipta ataupun *Co-create* masa depan pelajar cemerlang selaras dengan *tagline* UBD iaitu *Futuring Together*.

Sehubungan itu, beta juga ingin mengingatkan supaya UBD menekankan kepada para graduan bahawa aktiviti mereka bukan hanya untuk kebaikan diri sendiri, malahan juga untuk berbakti

kepada bangsa, ugama dan negara.

Beta juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga UBD, yang merangkumi Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat Universiti, Naib Canselor, Pegawai-pegawai Utama, Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan universiti atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Semoga segala usaha mereka itu akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu Alaikeum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG

26 OGOS 2023

Jangan leka, ambil tahu penggunaan internet anak-anak

PADA zaman sekarang adalah menjadi perkara biasa untuk ibu bapa menyediakan peranti elektronik mudah alih untuk anak-anak mereka seperti telefon pintar, komputer riba ataupun tablet. Sebab-sebab utama kenapa ibu bapa mendapatkan anak-anak mereka peranti elektronik ini adalah untuk memudahkan anak-anak menghubungi mereka atau untuk mempermudahkan anak-anak mengikuti apa-apa perkara berkaitan pembelajaran mereka di luar bilik darjah. Pada masa ini, dengan adanya internet, guru-guru sekolah mengambil kesempatan ke atas teknologi yang ada untuk membuat *group chat* menggunakan aplikasi-aplikasi media sosial tertentu supaya mereka dapat berhubung dengan anak-anak murid dan memaklumkan apa-apa kemas kini berkaitan kerja sekolah melalui *group chat* di luar bilik darjah. Ada juga sesetengah guru, membenarkan ibu bapa untuk menjadi ahli *group chat* supaya mereka juga dapat mengetahui apa-apa perkembangan berkaitan pembelajaran anak mereka.

Tidak dinafikan bahawa teknologi dan internet telah memudahkan cara kita berkommunikasi, menghantar dan menerima maklumat. Akan tetapi, sebagai ibu bapa atau penjaga kanak-kanak kita tidak boleh leka dan perlu sentiasa mengambil tahu tentang penggunaan internet anak-anak kita untuk melindungi mereka daripada menjadi mangsa jenayah siber. Antara jenayah siber yang di mana anak-anak boleh menjadi sasaran adalah seperti, buli siber, penipuan dalam talian, penggodaman akaun media sosial dan sebagainya. Antara faktor yang menyebabkan anak-anak boleh menjadi mangsa jenayah seperti ini adalah kurang kefahaman dan kesedaran mengenai keselamatan penggunaan internet dan kurang pemantauan ke atas penggunaan internet mereka daripada ibu bapa dan penjaga.

Apabila kanak-kanak menjadi mangsa jenayah siber seperti buli siber ia boleh meninggalkan kesan negatif seperti trauma, perasaan malu atau hilang keyakinan diri. Akan tetapi, kita sebagai ibu bapa dan penjaga berpeluang untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelak dan melindungi mereka sebelum mereka menjadi mangsa. Antara langkah yang boleh diambil adalah untuk kita melengkapai diri kita sendiri dengan ilmu pengetahuan berkaitan jenayah siber serta ancaman dan bahaya jenayah siber. Dari sana kita akan dapat mendidik anak-anak kita untuk menjadi lebih peka dan berwaspada apabila menggunakan internet. Selain itu, kita juga boleh memantau dan mengehadkan penggunaan internet dan peranti pintar atau peranti digital seperti telefon pintar, tablet dan komputer anak-anak.

Sebagai ibu bapa atau penjaga, adalah perlu untuk kita melengkapai diri kita dengan maklumat terkini mengenai penggunaan media sosial, permainan dalam talian dan aplikasi-aplikasi dalam talian yang digunakan oleh anak-anak kita. Adalah perlu untuk kita membiasakan diri kita dengan mencuba platform berkaitan untuk memudahkan kita untuk mengawal aktiviti atau penggunaan internet anak-anak kita.

- Ketua Penyuntingan (Nr)

WAKTU SEMBAHYANG											
OGOS MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK	
26	SABTU	9	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.34	6.29	7.40	
27	AHAD	10	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.33	6.29	7.39	
28	ISNIN	11	4.46	4.57	6.15	6.37	12.23	3.32	6.29	7.39	
29	SELASA	12	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.31	6.28	7.38	
30	RABU	13	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.30	6.28	7.38	
31	KHAMIS	14	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37	
1	JUMAAT	15	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.28	6.27	7.37	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
31 24 °C	32 24 °C	33 25 °C
Pekan Bangar		
31 24 °C	32 24 °C	32 25 °C
Pekan Tutong		
31 24 °C	31 24 °C	32 25 °C
Kuala Belait		
31 24 °C	32 25 °C	33 25 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	www.met.gov.bn	

Tingkat pembangunan tenaga lestari melalui kesalinghubungan



Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri

INDONESIA, Jumaat, 25 Ogos. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN dan Mesyuarat-mesyuarat Yang Berkaitan Dengannya (AMEM) Ke-41 yang diadakan di Bali Nusa Dua Convention Centre, Bali, Republik Indonesia bermula 24 hingga 26 Ogos 2023.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II diiringi oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Tenaga), Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra selaku Ketua Pegawai-pegawai Kanan Tenaga ASEAN bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga di JPM.

Mesyuarat AMEM Ke-41 telah dibuka rasmi dan dipengerusikan oleh Menteri Energi dan Sumber Daya Mineral, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Arifin Tasrif, Menteri Tenaga dan Perlombongan, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Phosay Sayasone, Pengurus Mesyuarat AMEM akan datang juga mempengerusikan sama mesyuarat.

Mesyuarat antara lainnya membincangkan perkembangan tujuh bidang program yang dilaksanakan di bawah Pelan Tindakan Kerjasama Tenaga ASEAN Fasa Kedua Tahun 2021-2025, termasuk ASEAN Power Grid, Trans-ASEAN Gas Pipeline, Coal and Clean Coal Technology, Energy Efficiency and Conservation, Renewable Energy, Regional Energy Policy and Planning dan Civilian Nuclear

Energy.

Dengan tema 'Sustainable Energy Security Through Interconnectivity', Mesyuarat AMEM Ke-41 menggariskan kepentingan pembangunan tenaga lestari melalui kesalinghubungan (*interconnectivity*) termasuk mempertingkatkan kerjasama antarabangsa bagi memperkembangkan infrastruktur tenaga dan mengiktiraf kesalinghubungan tenaga serta integrasi pasaran dalam ASEAN sebagai pemboleh utama bagi kerjasama tenaga ASEAN ke arah menangani cabaran-cabaran keselamatan tenaga dan mempercepatkan peralihan tenaga serantau yang saksama dan inklusif.

Mesyuarat berkenaan juga menyaksikan pengadoptasian Deklarasi Bersama Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN Ke-41 mengenai Sustainable Energy Security Through Interconnectivity yang akan

dijadikan sebagai dasar utama dalam memajukan projek-projek infrastruktur tenaga rentas sempadan di antara Negara-negara Anggota ASEAN, termasuk Projek Multilateral Power Trading di bawah bidang Program ASEAN Power Grid dan meningkatkan kesalinghubungan dan kebolehaksesan bekalan gas dan gas cecair asli (Liquefied Natural Gas) di rantau ini dan Kenyataan Bersama NBD, Indonesia, Malaysia dan Philippines Power Integration Project (BIMP-PIP).

Mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengan Mesyuarat AMEM Ke-41 yang berlangsung pada 24 hingga 26 Ogos 2023 adalah 20th AMEM Plus Three (20th AMEM+3), 17th East Asia Summit Energy Ministerial Meeting (17th EAS EMM), AMEM and The United States (AMEM-US) Exchange dan 7th ASEAN Ministers on Energy Meeting - International Renewable Energy

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa bergambar ramai ketika menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN dan Mesyuarat-mesyuarat Yang Berkaitan Dengannya (AMEM) Ke-41.

Agency Dialogue (7th AMEM - IRENA Dialogue).

Acara lain yang juga telah diadakan adalah 6th East Asia Energy Forum (6th EAEF) dan 2023 ASEAN Energy Business Forum (AEBF).

Selain mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga berkesempatan mengadakan perjumpaan dua hala bersama dengan Ketua-ketua Delegasi yang lain, termasuk Menteri Energi dan Sumber Daya Mineral, Republik Indonesia, TYT Arifin Tasrif dan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Malaysia, TYT Nik Nazmi bin Nik Ahmad bagi bertukar-tukar pandangan dalam bidang kepentingan bersama.

Majlis Makan Malam dijadualkan pada sebelah malam 25 Ogos 2023, di mana delegasi peringkat menteri-menteri juga akan berpeluang lagi untuk bertemu secara dua hala dan rangkaian dan seterusnya akan diikuti dengan 2023 ASEAN Energy Awards bagi pengiktirafan amalan-amalan terbaik berkaitan kecekapan dan penjimat tenaga, tenaga yang boleh diperbaharui, kecemerlangan dalam pengurusan tenaga, teknologi bersih arang batu dan anugerah belia.

ASEAN TANGANI CABARAN BERKAITAN PERDAGANGAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-55 (AEM Ke-55) dan Mesyuarat Berkaitan yang diadakan pada 19 Ogos hingga 22 Ogos 2023 di Semarang, Indonesia.

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

>> Muka 1

Siri mesyuarat yang dipengerusikan oleh Indonesia, termasuk Mesyuarat Majlis Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) AEM Ke-37, Mesyuarat Majlis Kawasan Pelaburan ASEAN AEM Ke-26, Perundungan Majlis Penasihat Perniagaan AEM-ASEAN (ASEAN-BAC), Mesyuarat AEM Ke-55, AEM-Ketua Pengarah Mesyuarat Antaramuka Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) dan Mesyuarat Menteri Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) Ke-2 dan pelbagai Perundungan AEM dengan Rakan Dialog ASEAN, termasuk Australia, Kanada, China, Kesatuan Eropah, Hong Kong, China, India, Jepun,

Republik Korea, New Zealand, Rusia dan Amerika Syarikat.

Salah satu sorotan utama semasa Mesyuarat AEM ialah bermulanya pemeterian Protokol Kedua untuk Meminda Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA), pada Majlis Menandatangi Perjanjian yang diadakan di luar mesyuarat.

Majlis tersebut telah disertai oleh Negara Brunei Darussalam (NBD), sebagai Penyelaras negara ASEAN untuk AANZFTA, Indonesia sebagai Pengerusi ASEAN untuk 2023, Australia dan New Zealand. AANZFTA yang dinaik taraf menyediakan elemen nilai tambah dan pengenalan bab baharu iaitu pemerolehan kerajaan, perdagangan dan pembangunan

mampan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Peningkatan itu juga mengambil kira amalan perdagangan moden dan peruntukan baharu yang boleh meningkatkan daya tahan rantaian bekalan serta menangani cabaran berkaitan perdagangan. Protokol Kedua, yang menaik taraf Perjanjian AANZFTA asal yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010, dijangka ditandatangani oleh semua pihak sebelum akhir tahun ini.

Semasa Mesyuarat Majlis Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) AEM Ke-37, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN menyatakan kemajuan positif rundingan peningkatan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA) dan menggalakkan pegawai mempercepatkan perbincangan dengan tujuan untuk memuktamadkan peningkatan dalam 2024.

Pelancaran ASEAN Tariff Finder baru juga dialu-alukan untuk memudahkan perniagaan mendapatkan maklumat perdagangan terkini seperti rejim perdagangan dan kadar tarif untuk produk tertentu. ASEAN Tariff boleh diakses melalui laman web <https://tariff-finder.asean.org>.

Menteri-menteri memuji kesimpulan penting Protokol Kelima untuk Meminda Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) semasa Mesyuarat Majlis Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) AEM Ke-26.

Protokol Kelima memberikan kepastian dan ketulusan yang lebih besar kepada pelabur mengenai rejim pelaburan di ASEAN dan membincangkan trend dan perkembangan Pelaburan Langsung Asing (FDI) terkini seperti yang digariskan dalam Laporan Pelaburan Khas ASEAN 2023 : Aliran Pelaburan Antarabangsa - Isu utama dan pilihan dasar.

Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-55 mengesahkan keazaman ASEAN untuk menggalakkan integrasi ekonomi serantau walaupun menghadapi cabaran ekonomi yang berterusan yang telah menjelaskan rantaian bekalan serantau di bawah tema Perkara ASEAN : Epicentrum Pertumbuhan.

Ekonomi ASEAN telah menunjukkan perkembangan positif dengan peningkatan sebanyak 5.7 peratus pada 2022 dan unjuran kadar pertumbuhan pada 2023 ialah 4.6 peratus dan 4.9 peratus pada 2024.

Menteri - menteri membincangkan kemajuan pelaksanaan Kajian Separuh

Penggal Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2025 dan kemajuan pembangunan Komuniti ASEAN Pasca-2025 dalam usaha ASEAN untuk memperdalam integrasi ekonomi serantau.

Rekomendasi dalam Laporan Akhir Kajian mengenai Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA) dan Rangka Kerja Rundingan DEFA juga disahkan semasa mesyuarat itu. Dokumen itu akan memberi panduan Negara Anggota ASEAN dalam rundingan DEFA akan datang yang akan bermula pada tahun 2023.

Di samping itu, para menteri membincangkan pelaksanaan dan status rundingan pelbagai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN dengan rakan dagang utamanya seperti China, Jepun, Korea, Hong Kong dan Australia serta New Zealand untuk memastikan bahawa ASEAN FTA kekal relevan dan bermanfaat kepada perniagaan di rantau ini.

Menteri-menteri juga mengalu-alukan pelaksanaan penuh Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dengan berkuat kuasanya perjanjian untuk Indonesia dan Filipina masing-masing pada 2 Januari 2023 dan 2 Jun 2023.

Pemeterian Memorandum Persefahaman Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) ASEAN-World Intellectual Property Organization (WIPO) diadakan untuk meluaskan kerjasama antara ASEAN dan WIPO bagi membantu PKS ASEAN dan syarikat baharu, antara lain, dalam memanfaatkan teknologi digital untuk kejayaan perniagaan melalui penggunaan yang berkesan harta intelek dan menyokong industri kreatif ASEAN.

Perkuuh kerjasama serantau, majukan tindakan iklim

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

>> Muka 1

Selain itu, mesyuarat juga meluluskan ASEAN Joint Statement on Climate Change to 28th Session of the Conference of the Parties to the United Nations Framework on Climate Change (UNFCCC COP28) untuk pertimbangan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-43.

Mesyuarat turut menyampaikan penghargaan terhadap inisiatif Indonesia mengenai Tindakan Iklim Berasaskan Komuniti ASEAN untuk berkongsi pengalaman, membina kapasiti, menggalakkan amalan terbaik, dan meningkatkan penyertaan pelbagai pihak dalam melaksanakan tindakan iklim berdasarkan komuniti di negara-negara ASEAN.

Di dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Pembangunan, telah mengongsikan mengenai inisiatif-inisiatif NBD untuk mencapai alam sekitar yang berdaya tahan yang menyokong wawasan kebangsaan Wawasan Brunei 2035 dan Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan, yang merangkumi Voluntary National Review bagi Brunei Darussalam 2023 (VNR 2023) yang telah dilaporkan semasa Forum Politik

MESYUARAT menghargai keutamaan semasa Mesyuarat ASEAN 2023, dalam memupuk kerjasama serantau dalam memajukan tindakan iklim, menggalakkan pemuliharaan biodiversiti, memerangi pencemaran plastik marin dan merealisasikan bandar yang berdaya tahan.

MAJLIS Penyerahan Perjanjian Penubuhan Pusat Penubuhan ditandatangani merupakan pencapaian penting dalam penubuhan ACCC dan mencerminkan usaha kolektif Negara Anggota ASEAN menangani perubahan iklim.

PELAKSANAAN kenaikan cukai duti eksais bagi pengimportan produk plastik, kempen pembersihan serpihan laut - Wira Pantai (Coastal Marvel) bertujuan untuk memupuk masyarakat yang bertanggungjawab ke arah melindungi alam sekitar melalui kaedah pelupusan sisa yang betul.

MESYUARAT menantikan pelaksanaan 'Horizontal Learning for ASEAN Sustainable Cities' oleh Indonesia, yang akan menyediakan platform bagi Negara-negara ASEAN untuk berkongsi pengalaman dan pengajaran yang dipelajari dalam pembangunan bandar yang berdaya tahan.

MESYUARAT juga sukacita mengongsikan mengenai penerbitan Laporan ASEAN State of Environment yang Ke-6 (SOER6).

ASEAN (ACCC) yang akan ditubuhkan di NBD, yang bertujuan untuk memudahkan kerjasama dan penyelarasannya serantau mengenai inisiatif perubahan iklim dalam kalangan negara-negara ASEAN dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, organisasi serantau dan antarabangsa; dan menyediakan cadangan dasar untuk menangani perubahan iklim kepada Negara-negara Anggota ASEAN.

Mesyuarat juga menantikan pengoperasian Pusat Perubahan Iklim ASEAN berkenaan, di mana Majlis Penyerahan Perjanjian Penubuhan Pusat Penubuhan yang ditandatangani merupakan pencapaian yang penting dalam penubuhan ACCC dan mencerminkan usaha kolektif Negara Anggota ASEAN menangani perubahan iklim.

Dengan penandatanganan perjanjian tersebut, Negara-negara Anggota ASEAN akan memulakan prosedur domestik masing-masing untuk menghadapkan Instrumen Ratifikasi (Instrument of Ratification) kepada ASEAN Sekretariat, bagi memulakan operasi ACCC tersebut.

Majlis tersebut diakhiri dengan penyerahan rasmi Perjanjian Penubuhan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebagai negara tuan rumah ACCC kepada Timbalan Ketua Setiausaha Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, Ekkaphab Phanthavong.

Di samping itu, mesyuarat juga menantikan pelaksanaan 'Horizontal Learning for ASEAN Sustainable Cities' oleh Indonesia, yang akan menyediakan platform bagi negara-negara ASEAN untuk berkongsi pengalaman dan pengajaran yang dipelajari dalam pembangunan bandar yang berdaya tahan, meningkatkan pengetahuan dan pemahaman yang lebih baik mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) terutamanya mengenai topik-topik pengurusan sisa dan pembangunan bandar dan membina potensi rangkaian dan kerjasama antara penggubal dasar, sektor swasta dan masyarakat sivil dalam memulakan bandar yang berdaya tahan di ASEAN.

Dalam pada itu, mesyuarat turut



PENYERAHAN rasmi Perjanjian Penubuhan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebagai negara tuan rumah Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ACCC) kepada Timbalan Ketua Setiausaha Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, Ekkaphab Phanthavong.

mengucapkan tahniah kepada para penerima Anugerah Ke-4 'ASEAN Eco-schools' dan Anugerah Ke-2 'ASEAN Youth Eco-champions', dengan memberikan penghargaan kepada pencapaian penerima-penerima anugerah dan menggalakkan sekolah dan warganegara lain untuk belajar daripada amalan terbaik mereka dan mengamalkan amalan alam sekitar yang lebih mampan.

Bagi NBD, Anugerah Ke-4 'ASEAN Eco-Schools' diberikan kepada Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohammad Yusof bagi Kategori Sekolah Rendah dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan bagi Kategori Sekolah Menengah.

Bagi Anugerah Ke-2 'ASEAN Youth Eco-champions' disampaikan kepada Dayang Shaima binti Haji Misli (Ketua Negara Hab bagi Sustainable Ocean Alliance (SOA) Brunei) bagi Kategori Junior dan Dayang Noor Hafizah binti Rashid (Pengasas Big BWN Project) bagi Kategori Senior.

Melalui mesyuarat itu juga mengambil maklum akan paras serpihan laut yang tinggi dan semakin meningkat, dan mengesahkan komitmen untuk melaksanakan Pelan Tindakan Serantau ASEAN untuk Memerangi Serpihan Laut di Negara-negara Anggota ASEAN.

Seterusnya mesyuarat menyampaikan penghargaan atas

kemajuan pelaksanaan projek dan inisiatif berkaitan serpihan laut, termasuk kejayaan mengadakan ASEAN-Indo Pacific Workshop on Marine Plastic Debris dan ASEAN Conference on Combating Plastic Pollution yang akan dianjurkan oleh Indonesia.

Mesyuarat juga sukacita mengongsikan mengenai penerbitan Laporan ASEAN State of Environment yang Ke-6 (SOER6), yang menyediakan maklumat yang relevan dan berguna perihal keadaan dan trend alam sekitar di rantau ini serta memaklumkan keputusan pengurusan alam sekitar yang akan menyumbang kepada usaha pembangunan berdaya tahan ASEAN.

Di samping itu, mesyuarat turut mengambil maklum mengenai dialog berterusan antara ASEAN dan Rakan Kongsi mengenai alam sekitar, perubahan iklim dan isu-isu alam sekitar merentasi sektor semasa Dialog ASEAN-Jepun mengenai Kerjasama Alam Sekitar, Dialog ASEAN-ROK mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Dialog ASEANEU Peringkat Tinggi mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Dialog Peringkat Tinggi ASEAN-A.S. mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, dan Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN+3 mengenai Alam Sekitar, yang diadakan pada 2-3 Ogos 2023 yang diadakan di Bogor, Indonesia.

mesyuarat juga mengambil maklum penilaian Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASMC) mengenai sub-rantau Mekong yang terjejas oleh aktiviti titik panas tinggi dan jerebu asap semasa musim kemarau berlaku antara bulan Disember 2022 dan Mei 2023.

Keadaan kemarau didapati bertambah teruk pada Mac dan April 2023 dan Amaran Tahap 3 telah dikeluarkan untuk sub-rantau pada 2 Mac 2023, yang mana jerebu merentas sempadan menjelaskan banyak bahagian sub-rantau didapati meluas.

Kiraan keseluruhan titik panas berlaku di sub-rantau tersebut adalah sekitar 57 peratus (%) lebih tinggi pada 2023 berbanding 2022 antara Januari dan Ogos, di mana Amaran Tahap 1 untuk wilayah selatan ASEAN telah dikeluarkan pada 29 Mei 2023 dan Amaran Tahap 2 telah mula diaktifkan pada 28 Julai 2023.

>> Muka 7

KOMITED TANGANI PENCEMARAN JEREBU RENTAS SEMPADAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Ogos. - Pada Mesyuarat Ke-17 Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN (AMME) dan Mesyuarat Ke-18 Conference of the Parties (COP) kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan yang diadakan pada 23 - 24 Ogos 2023 di Vientiane, Lao PDR baru-baru ini, telah mengesahkan komitmen terhadap pelaksanaan penuh dan berkesan akan Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (AATHP) dan memberi penghargaan terhadap kejayaan memuktamadkan Perjanjian Penubuhan Pusat Penyelaras ASEAN bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan (ACC THPC) yang ditempatkan di Indonesia.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Perjanjian Penubuhan ACC THPC yang telah ditandatangani diadakan selepas Majlis Penyerahan Perjanjian Penubuhan E.A. ACCC.

Majlis Penyerahan diakhiri dengan penyerahan rasmi EA ACC THPC yang telah ditandatangani dari Menteri Lingkungan Hidup dan Perhutanan, Yang Berhormat Profesor Siti Nurbaya, sebagai negara tuan rumah ACC THPC, kepada Timbalan Ketua Setiausaha Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, His Excellency Ekkaphab Phanthavong.

Mesyuarat juga menghargai sumbangan Sekretariat ASEAN dalam melaksanakan fungsi sebagai 'Interim ACC THPC' dan menantikan operasi penuh pusat yang akan memudahkan pelaksanaan lebih pantas dan berkesan dalam semua aspek AATHP untuk menangani pencemaran jerebu rentas sempadan di rantau ASEAN.

Di samping itu, mesyuarat turut memberi penghargaan kepada Jawatankuasa di bawah Persidangan Pihak Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan (COM) dan mengalu-alukan

penggunaan Pelan Hala Tuju Kedua Kerjasama ASEAN ke arah Kawalan Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan dengan Cara Pelaksanaan (Pelan Hala Tuju Tanpa Jerebu) 2023-2030 dan Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN Kedua (APMS) 2023-2030 untuk mengukuhkan lagi, mempergiatkan dan menangani secara menyeluruh punca pencemaran jerebu rentas sempadan.

Mesyuarat seterusnya mengesahkan Rangka Kerja Pelaburan ASEAN untuk Pengurusan Tanah Mampan Tanpa Jerebu untuk meningkatkan perkongsian pelbagai pihak berkepentingan dan mendapatkan sumber di peringkat tempatan, kebangsaan dan serantau untuk menggalakkan pengurusan tanah yang mampan dan menangani isu jerebu rentas sempadan dengan berkesan.

Selain itu, mesyuarat juga turut menyuarakan kebimbangan yang mendalam mengenai keadaan

jerebu merentas sempadan dan tahap Indeks Kualiti Udara 'Sangat Tidak Sihat' di sub-rantau utara ASEAN awal tahun ini dan seterusnya membincangkan potensi musim kemarau yang berpanjangan tahun ini bagi sub-selatan ASEAN di mana sebahagiannya disebabkan oleh terjadinya semula El Niño.

Daripada itu, mesyuarat mengambil maklum akan kesan perubahan iklim, seperti kemarau yang lebih kerap dan kejadian cuaca ekstrem lain yang boleh meningkatkan risiko aktiviti titik panas tinggi dan kejadian jerebu asap rentas sempadan sejak 2019, dan menekankan akan kepentingan perlunya mengambil tindakan tegas untuk meningkatkan kewaspadaan, pencegahan langkah-langkah, dan prosedur pemadaman kebakaran segera untuk mengurangkan kebakaran tanah dan hutan dan untuk meminimumkan kejadian jerebu rentas sempadan semasa tempoh cuaca kering.

Ketengahkan cadangan kepentingan Digital Trust



KONSULTASI Menteri-menteri Ekonomi ASEAN - Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (AEM-ASEAN BAC) dengan wakil ASEAN-BAC, ASEAN-BAC pada Mesyuarat AEM Ke-55 yang diadakan di Semarang, Jawa Tengah baru-baru ini.

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekretariat Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Ogos. — Pada Konsultasi Menteri-menteri Ekonomi ASEAN - Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (AEM-ASEAN BAC) dengan wakil ASEAN-BAC, ASEAN-BAC membentangkan pandangan berwawasan untuk masa depan ASEAN pada Mesyuarat AEM Ke-55 yang diadakan di Semarang, Jawa Tengah baru-baru ini.

Ketua ASEAN-BAC Tahun 2023, Arsjad Rasjid membentangkan laporan ASEAN-BAC kepada para menteri berkaitan Legacy Project ABAC Tahun 2023 dengan Kepimpinan ASEAN-BAC 2023: 'ASEAN Centrality: Innovating towards Greater Inclusivity' dengan tiga fokus utama iaitu Centrality, Innovation and Inclusivity.

Pada konsultasi bersama Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM), ASEAN-BAC menyarankan pelbagai inisiatif termasuk

transformasi digital, pembangunan mampan, daya tahan kesihatan, sekuriti makanan, perdagangan rentas sempadan dan kemudahan pelaburan, mobiliti bakat, pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan kesalinghubungan.

Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Adinin, Musa Adin dan Pengurus Am PDS Abattoir, Sabrin Othman, mewakili Negara Brunei Darussalam daripada delegasi ASEAN-BAC pada sesi bersama AEM.

Menyedari halangan yang dihadapi oleh PMKS dalam mengakses perkhidmatan kerajaan, kewangan dan pasaran terutamanya mengenai kekurangan dokumentasi rasmi, ASEAN BAC Brunei membentangkan cadangan tentang kepentingan Digital Trust dalam Ekonomi ASEAN.

ASEAN BAC Brunei memberi tumpuan untuk membantu mencari

penyelesaian, dengan AKREDI (ASEAN Digital Credentials Platform) sebagai Projek Legasinya yang akan memasuki fasa pembangunan seterusnya.

Penyedia perkhidmatan kelayakan digital perniagaan untuk Komuniti Ekonomi Borneo melalui platform DagangBorneo akan ditubuhkan secara rasmi pada 5 September ini di Jakarta. Penggunaan kelayakan digital perniagaan ini, bersama-sama dengan rakan kongsi pelaksanaan teknologi, akan menjadi asas perintis untuk memudahkan pergerakan merentas sempadan perniagaan, perkhidmatan, pelabur dan bakat.

Delegasi ASEAN-BAC turut menghadiri pelancaran The ASEAN Tariff Finder. Ini adalah platform dalam talian yang direka bentuk, untuk membantu peniaga memaksimumkan faedah, daripada Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang telah dilengkapkan atau dipertingkatkan, termasuk Association of Southeast Asian Nations Trade in Goods Agreement (ATIGA), ASEAN+1 FTAs, the Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) dan FTA dua hala yang disiapkan oleh negara anggota ASEAN.

Dengan peningkatan penglibatan dalam kalangan kumpulan kerja yang berkaitan, ASEAN-BAC sedang melengkapkan lebih banyak pencapaian melalui lima isu keutamaan dan lapan projek warisan untuk tahun ini, termasuk Usahawan Wiki, Platform Pemberian Pinjaman Pasaran, Pusat Kecemerlangan Karbon ASEAN dan Projek Warisan Net Zero Hub.

ASEAN BAC yang dipengerusikan oleh Indonesia akan menjadi tuan rumah acara-acara utama yang dinanti-nantikan; Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN (ABIS) 2023 dan Anugerah Perniagaan ASEAN (ABA) 2023 sebagai sebahagian daripada Sidang Kemuncak


ASEAN-BAC Indonesia 2023 di Jakarta, Indonesia dari 3 - 4 September 2023 yang akan mengumpulkan lebih 2000 delegasi dari ASEAN dan di seluruh dunia.

Dalam pada itu, delegasi ASEAN-BAC sebelum ini telah mengendalikan Mesyuarat ASEAN-BAC Ke-98 dan Mesyuarat Majlis Perniagaan Usahasama (Joint Business Council) Ke-22 pada 18 Ogos 2023.

Semasa mesyuarat tersebut, seluruh delegasi ASEAN-BAC dari negara-negara ASEAN, bersama-sama dengan wakil JBC dari negara rakan ASEAN, bersidang untuk menyediakan, penglibatan dengan AEM.

Dalam mesyuarat ini, para pemimpin kumpulan kerja menyediakan laporan kemajuan mengenai lima isu keutamaan dan lapan projek warisan yang dilaksanakan oleh ASEAN-BAC, serta persiapan untuk Minggu Sidang Kemuncak ASEAN-BAC 2023, yang akan berlangsung dalam masa dua minggu.

PERKASA PERANAN WANITA KE ARAH PEMBANGUNAN NEGARA



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Mesyuarat Menteri-menteri Komanwel Mengenai Hal Ehwal Wanita Ke-13 yang diadakan di Nassau, Bahamas dari 21 hingga 23 Ogos 2023.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Ogos. - Mesyuarat

Menteri-menteri Komanwel Mengenai Hal Ehwal Wanita Ke-13

(13th Commonwealth Women's Affairs Ministers Meeting - 13WAMM) telah diadakan di Nassau, Bahamas dari 21 hingga 23 Ogos 2023.

Hadir ke mesyuarat tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Bandar, Bahamas, The Honourable Obediah H. Wilchcombe MP dan hadir sama, Setiausaha Agung Komanwel, The Right Honourable Patricia Scotland.

Pada mesyuarat tersebut, para menteri mengalui-alukan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel 2022, yang bersetuju dengan Deklarasi Komanwel mengenai Kesaksamaan Gender dan Pemerksaan Wanita yang dikemukakan oleh Mesyuarat Menteri-menteri Hal Ehwal Wanita Ke-12 yang diadakan pada 2019.

Menteri-menteri menyemak kemajuan kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita dalam Komanwel dan menyokong pendekatan yang dinyatakan dalam Pelan Hala Tuju untuk menyokong Deklarasi Komanwel mengenai Kesaksamaan Gender dan Pemerksaan Wanita

2022-2030.

Semasa mesyuarat tersebut, Menteri-menteri Komanwel memberikan sokongan penuh kepada Bahamas dengan tema 'Equality towards a Common Future' yang mengetengahkan beberapa segmen utama termasuk Kesaksamaan Gender dan Perubahan Iklim, Kesaksamaan dan Ketidakupayaan Gender, Wanita dalam Kepimpinan, Pemerksaan Ekonomi Wanita dan Menamatkan Keganasan Terhadap Wanita dan Gadis.

Antara lain, Yang Berhormat turut mengongsikan peranan penting wanita dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD), menyumbang secara terbuka, aktif dan sama rata kepada masyarakat.

Yang Berhormat menyatakan bahawa NBD juga baru-baru ini telah menyempurnakan satu tahun penyelidikan mengenai pembangunan wanita, yang dijalankan dengan beberapa objektif utama.

Ini termasuk melengkapkan pengumpulan data kebangsaan, mengenal pasti cabaran semasa dan lazim serta peluang untuk wanita di NBD dan untuk memajukan pembangunan mereka dan untuk menyokong penggalan Pelan Tindakan

Kebangsaan Wanita di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), melalui dasar dan program ke arah ekuiti yang lebih besar untuk wanita di NBD.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa penyelidikan ini diharap dapat mengenal pasti isu-isu utama yang boleh menjelaskan dan menghalang pembangunan wanita di NBD, terutamanya dalam mata pencarian dan keseimbangan kerja-kehidupan mereka, yang penting ke arah memastikan institusi keluarga yang kukuh.

Dari segi inisiatif NBD mengenai Kesaksamaan Gender dan Perubahan Iklim, Yang Berhormat berkongsi bahawa tindak balas terhadap perubahan iklim haruslah bersepadan dan holistik, dan bagi NBD, terdapat penyertaan aktif dan kepimpinan perjuangan wanita dalam tindakan iklim pada peringkat kebangsaan, sama ada dalam dasar iklim, mitigasi iklim, penyesuaian iklim dan perlindungan alam sekitar serta aktiviti kesedaran alam sekitar.

Turut mengiringi Yang Berhormat ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; dan pegawai-pegawai KKBS NBD.

SYUKURI, HARGAI PELUANG YANG DIBERIKAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hanif A. Halit

BERAKAS, Khamis, 24 Ogos. - Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim menasihatkan serta mengingatkan para pelajar sama ada yang akan mengikuti pengajian di luar negara mahupun di sekolah-sekolah antarabangsa dalam negara untuk sentiasa mengekalkan jati diri serta memartabatkan budaya orang Brunei, mengutamakan akhlak yang baik, dengan uggama menjadi pegangan yang kuat dan berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja.

Terdahulu beliau menjelaskan, dalam hasrat untuk merealisasikan matlamat pertama dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah banyak membuat pelaburan dalam bidang pendidikan.

"Ini adalah termasuk penyediaan Skim-skim Biasiswa yang juga bertujuan untuk melahirkan generasi pelapis yang mempunyai daya pemikiran kritis, dinamik dan berdaya saing, berpotensi sebagai pemimpin penerus bangsa



DAYANG Ilyana Syahirah binti Haji Jasrin.

YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa bergambar ramai pada Majlis Penganugerahan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenaan.

yang berilmu tinggi, berkaliber dan mempunyai kematangan jati diri dan seterusnya memacu pertumbuhan sosioekonomi negara," ujarnya semasa Majlis Penganugerahan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi pelajar-pelajar di bawah Skim Biasiswa ke Luar Negeri bagi melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di institusi-institusi luar negara dan Skim Biasiswa Khas Dalam Negeri untuk mengikuti pengajian ke Peringkat Menengah dan Pra-Universiti di Jerudong International School (JIS) dan International School Brunei (ISB) bagi Sesi Akademik 2023 / 2024.

Oleh itu, tambahnya, adalah diharap para pelajar untuk sentiasa mensyukuri, menghargai dan tidak mempersia-siakan peluang yang diberikan dan gunakanlah peluang itu sebaiknya di mana peluang yang diberikan adalah merupakan pengalaman yang amat berharga.

Selain itu, katanya lagi, adalah diharapkan agar para pelajar menanai tanggungjawab sebagai seorang



pelajar Biasiswa Kerajaan dengan sentiasa memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pengajian yang diikuti.

"Tanamkanlah tekad di dalam diri untuk menabur bakti kepada bangsa dan negara dengan kembali ke tanah air dan berkhidmat dengan kerajaan setelah selesai mengikuti pengajian masing-masing, dengan menyumbangkan ilmu-ilmu dan kemahiran yang telah diperoleh," jelasnya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil penganugerahan pada majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Kesukuran yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Zahid Zakhwan@Mohammad Thaib Hasbullah bin Mohd. Said.

Seramai 92 pelajar berjaya menerima Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Skim Biasiswa ke Luar Negeri pada peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Manakala, seramai 20 pelajar pada peringkat menengah dan 20 pelajar pada peringkat Pra-Universiti juga dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Skim Biasiswa Khas Dalam Negeri.

Dayang Ilyana Syahirah binti Haji Jasrin yang akan melanjutkan pengajian di ISB berpendapat, peluang dianugerahkan

biasiswa dapat mendorongnya untuk terus berusaha dengan gigih dalam pembelajaran.

Dayang Ilyana Syahirah berharap agar dapat menggunakan dengan sebaiknya, segala ilmu dan pengalaman yang disumbangkan melalui biasiswa tersebut untuk kegunaan masa depan yang boleh membantu negara dan masyarakat agar menjadi negara yang lebih baik dan dapat menangani semua cabaran dan dugaan yang dihadapi pada masa hadapan.

Turut hadir pada majlis tersebut Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan serta para ibu bapa pelajar dan wakil dari sekolah-sekolah antarabangsa.

Kembangkan kemahiran, pupuk budaya kecemerlangan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Rabu, 23 Ogos. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Majlis Penyampaian Pingat, Hadiah Buku dan Anugerah Cemerlang bagi meraikan pencapaian para pelajar cemerlang sempena Konvokesyen UBD Ke-35 di Dewan Canselor UBD, di sini, petang tadi.

Penyampaian anugerah itu disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh merangkap Pengurus Majlis UBD selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; pegawai-pegawai utama dan kakitangan UBD; para penaja dan para ibu bapa penerima anugerah.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

Naib Canselor UBD, dalam ucapannya berkata, anugerah seumpama ini diharap akan dapat memupuk budaya kecemerlangan dengan menetapkan tahap yang tinggi untuk pencapaian akademik, kepimpinan dan penglibatan komuniti.

Beliau berharap agar pencapaian para pelajar hari ini akan menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk berusaha merealisasikan potensi mereka sepenuhnya, bila mana para penerima hari ini juga telah memamerkan kesungguhan, kepelbagai bakat dan kemahiran yang dipupuk selama berada di universiti.

"Pencapaian mereka yang merangkumi pelbagai aspek termasuk kecemerlangan akademik, penyelidikan, khidmat masyarakat, seni dan olahraga telah mencerminkan pendekatan

pendidikan yang menyeluruh di UBD," ujar beliau.

Selaras dengan hasrat 'Ke Arah Kesempurnaan Insan', tambahnya, usaha gigih, dedikasi, dan komitmen tinggi para pelajar terhadap akademik serta pembangunan diri, adalah amat penting bagi persiapan para pelajar untuk mengharungi perjalanan kehidupan baharu setelah meninggalkan alam pengajian ini nanti.

"Oleh itu, saya menggesa para pelajar untuk terus menimba ilmu demi mendapatkan pengetahuan dan mengembangkan kemahiran-kemahiran baru agar diri kamu terus relevan dengan kehendak industri dan keperluan kemahiran yang semakin dinamik. Amalkanlah pembelajaran sepanjang hayat bagi masa depan yang sentiasa cerah dan terjamin," katanya.

Sebanyak 90 penerima Pingat, Hadiah Buku, dan Anugerah Cemerlang Universiti diserahkan kepada para pelajar semasa majlis tersebut.

Penerima Pingat Naib Canselor, iaitu Nur Aishah binti Haji Khairul Amir Shahrin telah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Energy Systems).

Pingat tersebut dianugerahkan berdasarkan merit akademik penerima, sumbangan penting dan pencapaian dalam aktiviti kokurikulum serta menunjukkan kemahiran kepimpinan yang boleh dicontohi.

Pingat Perak Universiti pula disampaikan kepada pelajar tahun akhir terbaik dari setiap program Ijazah Sarjana Muda.

Selain Nur Aishah, penerima Pingat Perak pada tahun ini turut diraih oleh Sarah Mohamed



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Pingat, Hadiah Buku dan Anugerah Cemerlang bagi meraikan pencapaian para pelajar cemerlang sempena Konvokesyen UBD Ke-35 di Dewan Canselor UBD.

Mohieldin Ahmed Abouelmaati, Koo Pey Ting, Areezna Arza binti Haji Abdullah dan Ayuni Syahindah binti Haji Mohd Taufik.

Manakala penerima Hadiah Buku Universiti terdiri daripada 13 pelajar program Ijazah Sarjana dan

67 pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang menerima anugerah berprestij tersebut atas prestasi cemerlang mereka.

Salah seorang pelajar, Nurafifah Aqilah Hussin menerima Hadiah Buku atas prestasi cemerlangnya dalam subjek Melayu Islam Beraja (MIB), beliau merupakan graduan program Sarjana Muda Perniagaan (Pentadbiran Perniagaan).

Selain itu, Brunei LNG Sendirian Berhad juga menyampaikan Anugerah Kecemerlangan kepada

tiga orang penerima.

Mejar Jonathan Edward D'Cruz dan Nur Amni Haji Sawal turut diiktiraf atas pencapaian cemerlang masing-masing dalam Kategori Diploma Siswazah (Graduate Diploma) dan Diploma.

Pada tahun ini, lima orang pelajar menerima Anugerah Duta Besar China (Chinese Ambassador Award).

Manakala Siti Nursarah binti Julhaj, Su Jih Yang, Nur Adlin Hanisah binti Haji Mohd Noorasri dan Melanie Choo Hui San menerima anugerah bagi Kejuruteraan Kimia dan Proses.

Sementara itu, Abdul Wafi Haji Ismail dan Hani Nadirah binti Muhammad Daud masing-masing menerima anugerah bagi Bahasa Mandarin.

BAZAR THAILAND SAJIKAN PELBAGAI JENIS JUADAH



PELANCARAN Bazar Thailand Keenam dirasmikan oleh Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Jumaat, 25 Ogos. - Orang ramai dialu-alukan untuk mengunjungi Bazar Thailand Keenam yang berlangsung selama empat hari bermula hari ini hingga 28 Ogos, di Atrium, Lantai 1, Pusat Membeli-belah OneCity.

Lebih 50 vendor dan pembekal produk dari Thailand menyertai bazar tersebut yang mempamerkan pelbagai jualan termasuk makanan, pencuci mulut, snek, minuman, pakaian, barang

kemas, kraf dan produk spa merangkumi minyak essential, room diffuser dan lilin pewangi.

Selain itu, orang ramai juga berpeluang menyaksikan demonstrasi masakan tradisi Thailand serta seni ukiran buah dan sayur yang dihasilkan oleh cef-cef dari Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam, di samping menggunakan photo booth yang disediakan di bazar berkenna.

Pelancaran bazar tersebut dirasmikan petang tadi oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai.

Ia dianjurkan Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Promosi Perdagangan Antarabangsa di Kuala Lumpur, Pihak Berkuasa Pelancongan Thailand, Pejabat Kuala Lumpur; Pejabat Atase Pertahanan, Bandar Seri Begawan (BSB) dan Office of Labour Affairs, BSB.

Komitded tangani pencemaran jerebu rentas sempadan

>> Muka 4

Sementara itu, kiraan keseluruhan titik panas berlaku bagi rantau ini adalah sekitar 114% lebih tinggi pada 2023 berbanding 2022 antara Januari dan Ogos.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa keadaan El Niño pada masa ini diramalkan terus berlaku sekurang-kurangnya sehingga akhir tahun. Dipole Lautan Hindi (IOD) positif juga diramalkan akan berkembang mulai Ogos 2023.

Musim kemarau bagi wilayah Selatan ASEAN boleh menjadi lebih berpanjangan berbanding tiga tahun lalu dengan berlakunya La Niña dan risiko aktiviti titik panas tinggi dan kejadian jerebu asap rentas sempadan tahun ini dijangka yang tertinggi sejak 2019.

Bagi sub-rantau Mekong, kawasan panas dan aktiviti jerebu asap mungkin mula meningkat menjelang akhir tahun, terutamanya jika keadaan El Niño berterusan dalam beberapa bulan akan datang.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid turut mengongsikan bahawa kualiti udara Negara Brunei Darussalam (NBD) sedikit terjejas oleh pencemaran jerebu rentas sempadan yang berlaku pada minggu keempat bulan Julai disebabkan oleh jerebu asap dari aktiviti titik panas di negara jiran yang membawa kepada perubahan kualiti udara di negara ini.

Bacan Pollutant Standard Indeks (PSI) yang direkodkan dari semua stesen pemantauan kualiti udara meningkat lebih tinggi daripada biasa, dengan PSI 50 yang tertinggi. Hujan lebat sekali-sekala telah membantu

mengurangkan dan menghalang keadaan berjerebu daripada berterusan di negara ini.

Bagaimanapun dengan potensi cuaca panas dan kering El Niño yang dijangka berkembang dalam beberapa bulan akan datang tahun ini, beliau menggesa semua AMS untuk terus bekerjasama rapat, bersatu dalam tanggungjawab bersama, menangani isu pencemaran jerebu rentas sempadan dan melindungi alam sekitar di rantau ini.

Mesyuarat juga mengambil maklum tentang maklumat baharu satelit dan aplikasi yang digunakan untuk pemantauan kebakaran dan jerebu, dan bengkel fizikal di bawah program pembinaan keupayaan ASMC yang disambung semula pada 2023, termasuk pelaksanaan pertama program baharu.

Juga diambil maklum bahawa Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) telah menambahbaikkan 'Southeast Asia Fire Danger Rating System (SEA FDRS)' termasuklah peningkatan bilangan stesen cuaca, melaksanakan kod bahaya kebakaran baharu untuk sub-rantau ASEAN Utara, dan simulasi ramalan tujuh hari.

Mesyuarat tersebut turut menyokong inisiatif MET Malaysia dan akan meneruskan kerjasama dan menggalakkan penggunaan penambahbaikan SEA FDRS.

Selain itu, mesyuarat juga mengambil maklum laporan-laporan 'Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution (MSC)' dan 'the Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution in the Mekong Sub-Region (MSC Mekong)' dalam mengesahkan komitmen mereka

untuk menangani isu khusus berkaitan jerebu yang berlaku di kawasan masing-masing.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut mengucapkan tahniah kepada kejayaan MSC Ke-24 di Singapura dan berharap persidangan awal MSC Mekong Ke-12 di Viet Nam sebagai persediaan menghadapi musim kemarau yang akan datang.

Dalam pada itu, mesyuarat juga telah bertemu Rakan-rakan Dialog dari negara-negara 'Plus Three' (China, Jepun, dan Republik Korea), Jepun, dan Amerika Syarikat pada Mesyuarat Menteri Alam Sekitar ASEAN Plus Three, Dialog Kerjasama ASEAN-Jepun Peringkat Menteri Alam Sekitar, dan Dialog ASEAN-A.S. Peringkat Menteri Alam Sekitar dan Iklim masing-masing, untuk merebu aktiviti-aktiviti semasa dan membincangkan kerjasama strategik masa depan yang antara lain, isu-isu kepelbagaiannya biologi, perubahan iklim, pendidikan alam sekitar, sains dan teknologi alam sekitar, bandar lestari alam sekitar, dan serpihan plastik marin.

Turut dialu-alukan pada mesyuarat tersebut ialah Inisiatif Kerjasama ASEAN-Jepun: Program Strategik bagi Iklim dan Alam Sekitar ASEAN (SPACE), pengendalian Minggu Alam Sekitar ASEAN-Jepun, dan Pelancaran Inisiatif SPACE sempena Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Rakan Dialog ASEAN-Jepun.

Mesyuarat juga mengalaukan Rancangan Kerja Alam Sekitar dan Iklim ASEAN-A.S. untuk membimbing kerjasama antara ASEAN dan A.S. dalam meningkatkan hasrat iklim dan mitigasi dan penyesuaian serantau, menggalakkan inovasi untuk masa depan mengenai

Pupuk minat bertani dalam kalangan belia



ANTARA pengusaha jemputan yang terlibat bersama ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 24 Ogos. - Seramai 50 peserta menghadiri Program Mini Agritalk Sharing Session anjuran Fakulti Pertanian, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang berlangsung di Kampus Sinaut UNISSA, di sini.

Sesi Perkongsian yang diadakan pada sebelah pagi dan petang tersebut adalah bersempena dengan Mahrajan Ke-13 universiti berkenaan.

Program ini telah menjemput pengusaha-pengusaha dari industri pertanian tempatan untuk berkongsi sama ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka bersama pelajar-pelajar dan orang ramai.

Antara pengusaha jemputan yang terlibat bersama ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dari Maya Breeder Farm; Pengiran Dato Haji Abd. Rahman bin PSI Pengiran Haji Ismail dari RZ Prisma Enterprise; Awang Mohd. Faiyadh Syairazie bin Anwari dari Ibnu Anwari Enterprise dan juga Ahmad Fathi bin Dr. Haji Norarfani dari Fatih Aquaculture.

Program ini dihasrat untuk meraikan hubungan kerjasama antara Fakulti Pertanian, UNISSA dan industri pertanian tempatan serta mengetengahkan industri pertanian kepada pelajar-pelajar dan orang ramai bagi meningkatkan profil dan produk-produk industri pertanian tempatan selain memupuk minat bertani dalam kalangan belia.



ANTARA yang menyampaikan Sesi Perkongsian tersebut.

rendah karbon, mengaktifkan kewangan iklim, dan menyokong perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan kepelbagaiannya biologi.

Selain itu, mesyuarat juga bersetuju untuk bertemu lagi di Thailand pada tahun 2024 untuk Mesyuarat Ke-19 Conference of

the Parties (COP) kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan, dan di Malaysia pada tahun 2025 bagi Mesyuarat Ke-18 AMME dan Mesyuarat Ke-20 COP kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan.

PERJANJIAN ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan telah mengesahkan komitmen terhadap pelaksanaan penuh dan berkesan akan Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (AATHP).

PENGHARGAAN kepada Jawatankuasa di bawah Persidangan Pihak Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (COM).

MESYUARAT mengesahkan Rangka Kerja Pelaburan ASEAN untuk Pengurusan Tanah Mampan Tanpa Jerebu untuk meningkatkan perkongsian pelbagai pihak berkepentingan.

MESYUARAT menyuarakan kebimbangan yang mendalam mengenai keadaan jerebu merentas sempadan dan tahap Indeks Kualiti Udara 'Sangat Tidak Sihat' di sub-rantau utara ASEAN awal tahun ini.

YANG Berhormat Menteri Pembangunan mengongsikan kualiti udara NBD sedikit terjejas oleh pencemaran jerebu rentas sempadan yang berlaku pada minggu keempat bulan Julai disebabkan oleh jerebu asap dari aktiviti titik panas di negara jiran yang membawa kepada perubahan kualiti udara di negara ini.

4 sekolah ke peringkat akhir Kuiz Piala Pehin Jawatan Dalam



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Ogos.- Empat buah sekolah masing-masing mendapat 29 markah ke peringkat akhir dan bakal merebut Piala Pehin Jawatan Dalam menerusi Pertandingan Kuiz Ke-3 pada tahun ini.

Finalis pertandingan yang berentap pada pusingan separuh akhir yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hari ini yang mengutip markah tertinggi ialah Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong dengan memperoleh 32 markah, diikuti Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab mendapat 31 markah.

Manakala Ma'had Islam Brunei dan Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran

Haji Abu Bakar, Kuala Belait, masing-masing mendapat 29 dan 26 markah.

Hadir menyaksikan pertandingan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah dan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Ke-3 Tahun 2023 yang membawakan tema 'Sejarah Pengukuh Jati Diri Bangsa' ini dianjurkan oleh Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei.

Seramai 16 orang pelajar dari lapan buah sekolah menengah menyertai Peringkat Separuh Akhir ini iaitu Ma'had Islam Brunei; Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong; Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab; Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; Sekolah Menengah Awang Semaun; Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong dan Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait.

Objektif pertandingan antara lain bagi menggalakkan para pelajar untuk meminati sejarah di samping mengembangkan bakat dan minat para pelajar dalam bidang sejarah serta budaya dan warisan.



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), KKBS hadir menyaksikan pertandingan tersebut (atas), manakala gambar kiri, antara sekolah yang menyertai Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Ke-3. Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

Selain itu, ia diharap memberi kesedaran kepada generasi muda tentang kepentingan mempelajari sejarah dan hubungannya kepada pengukuhan jati diri dan pembangunan negara bangsa, menggalakkan persaingan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan menanamkan perasaan cintakan raja, agama, bangsa dan negara.

Adapun pertandingan dibukukan kepada pelajar-pelajar Tahun 9 hingga 11 dari sekolah menengah kerajaan dan swasta seluruh negara dan peringkat saringan telah berlangsung pada 5 Jun 2023 yang lepas.



PUPUK INOVASI, PERTUMBUHAN BAGI SEMUA KATEGORI PERUSAHAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

AMERIKA SYARIKAT, Khamis, 24 Ogos. - Mesyuarat APEC WEF High-Level Policy Dialogue on Women and the Economy yang diadakan pada 20 Ogos 2023, telah dipengerusikan oleh Assistant to the President and Director of the White House Gender Policy Council, The White House, Ms. Jennifer Klein manakala Mesyuarat 29th SME Ministerial Meeting yang diadakan pada 21 Ogos 2023, telah dipengerusikan oleh Under Secretary for International Trade, United States Department of Commerce, Marisa Lago.

Mengetuai rombongan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada pegawai-pegawai wanita ke mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Mesyuarat - mesyuarat berkenaan juga telah dihadiri oleh Menteri-menteri daripada Ahli-ahli Ekonomi APEC, APEC Business Advisory Council dan Pengarah Eksekutif Sekretariat APEC, Tan Sri Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria.

Pada Mesyuarat APEC WEF High-Level Policy Dialogue on Women and the Economy dan Joint Session between the WEF and the SME Ministerial Meeting, para

menteri-menteri dan Ketua-ketua Rombongan bertukar pendapat mengenai usaha dalam memajukan keupayaan kaum wanita untuk bertindak balas terhadap cabaran-cabaran alam sekitar termasuk perubahan iklim, cuaca melampau dan bencana alam.

Dengan tema 'Ensuring the greater integration and empowerment of women in the Asia Pacific region and Women's access to Leadership Positions', perbincangan memfokuskan kepada sokongan APEC terhadap program mentorship dan kepimpinan bagi meningkatkan kemahiran dan melatih kaum wanita dan kanak-kanak perempuan dalam menangani cabaran alam sekitar yang mendesak.

Dalam ucapan pembukaan beliau, Ms. Jennifer Klein menjelaskan objektif utama WEF pada tahun ini adalah penting dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi termasuk dalam memajukan kesaksamaan jantina sebagai tindak balas APEC terhadap perubahan iklim; memperluaskan inovasi dan inklusif digital; mengukuhkan ekonomi penjagaan dan menggalakkan ekuiti dan kesaksamaan di dalam rantaian bekalan.

Beliau juga menyeru sektor swasta untuk bekerjasama dengan

pihak kerajaan dalam melanjutkan pemerksaan ekonomi wanita, termasuk melalui pengubahsuai operasi perniagaan bagi mempromosikan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang diterajui wanita dalam rantai bekalan global.

Pelaburan dalam penjagaan kanak-kanak dan infrastruktur penjagaan lain untuk pekerja dan mempromosikan kesaksamaan jantina juga harus disepakup sebagai bahagian teras model perniagaan korporat.

Semasa sesi pertukaran pendapat, Awang Mohammad Harris mengambil maklum bahawa APEC berkedudukan baik untuk mempromosikan dan menyokong secara aktif pembangunan kemahiran kepimpinan kaum wanita serta menyediakan peluang kebimbangan.

Beliau juga mengongsikan pendapat bahawa APEC dapat memudahkan penyelarasan usaha awam dan swasta yang lebih kukuh melalui program dan dasar pembinaan kapasiti yang memberi insentif pelaburan lanjut terhadap usahawan wanita yang menangani isu-isu alam sekitar.

APEC juga dapat menerima pakai langkah-langkah ketara untuk meningkatkan daya tahan ekonomi tidak formal bagi menangani cabaran ekonomi dan alam sekitar melalui kerjasama sektor awam dengan institusi mikro dan bank demi membangun dan menyampaikan program celik

kewangan, skim simpanan dan produk kewangan yang inklusif.

Mesyuarat APEC WEF High-Level Policy Dialogue on Women and the Economy diikuti oleh Joint Session between the WEF and the SME Ministerial Meeting, di mana perbincangan memberi tumpuan kepada memperluaskan akses perniagaan milik wanita kepada rantaian nilai global, mempromosikan keusahawanan wanita melalui e-Dagang serta inovator wanita dan perubahan iklim.

Dalam hal ini, Awang Mohammad Harris telah mengongsikan usaha NBD dalam menggalakkan pertumbuhan PMKS termasuk perniagaan milik wanita dan yang diterajui oleh wanita, melalui pelbagai inisiatif di peringkat domestik dan serantau seperti Skim Special Entrepreneurial Empowerment and Development (SEED) serta Academy for Women Entrepreneurs yang diterajui oleh Amerika Syarikat.

Turut hadir semasa Mesyuarat APEC WEF High-Level Policy Dialogue on Women and the Economy adalah pegawai-pegawai dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kenyataan Pengerusi bagi Mesyuarat 2023 APEC WEF boleh didapati melalui pautan Chair's Statement of the APEC 2023 Women and the Economy Forum APEC.



MENGETUAI rombongan Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Sementara itu, The 29th Small and Medium Enterprises (SME) Ministerial Meeting tertumpu kepada beberapa tema termasuk pemerksaan PMKS di pasaran global melalui akses kepada rantaian nilai global serta alat dan teknologi digital, PMKS dan peralihan hijau serta peluang perkembangan bagi mereka yang mempunyai potensi ekonomi yang belum diterokai.

Semasa ucapan pembukaan beliau, Under Secretary Marisa Lago menekankan kepentingan di dalam mengekalkan kesaling-hubungan di antara pihak kerajaan dan perusahaan-perusahaan kecil sebagai cara untuk menyesuaikan diri dalam dunia yang terus berkembang.

>> Muka 13

61 PELAJAR TERIMA BIASISWA KERAJAAN KE LUAR NEGARA



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Bagi Pelajar-pelajar Baru Dianugerahkan Skim Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri Sesi Akademik 2023 / 2024.

BERAKAS, Khamis, 24 Ogos. - Seramai 61 pelajar dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bawah Skim Biasiswa Peringkat Ijazah Sarjana Muda ke Luar Negeri bagi Sesi Akademik 2023 / 2024.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa, hari ini, mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha



DAYANGKU Durratul Mumtazah binti Pengiran Suniman.

Mulia Bagi Pelajar-pelajar Baru Dianugerahkan Skim Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri Sesi Akademik 2023 / 2024 berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan Majlis Penandatanganan ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji

Azman bin Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Kesukuran yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Awang Haji Raminey bin Haji Salleh.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim.

Manakala para penerima menandatangani perjanjian tersebut ditemani dengan dua orang penjamin.

Sementara itu, pelajar-pelajar di

bawah Skim Biasiswa ke Luar Negeri dan Skim Biasiswa Khas Dalam Negeri ke Sekolah-sekolah Antarabangsa ketika ditemui rata-rata melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan merakamkan ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas penganugerahan biasiswa yang diberikan.

Dayangku Durratul Mumtazah binti Pengiran



Awang Muhammad Faiq bin Shahari.

Oleh : Saerah
Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal
Haji Said

Suniman yang akan mengambil jurusan Law (LLB) University of Reading berasa sangat gembira kerana dapat melanjutkan pengajian, dengan cita-cita untuk menjadi seorang Peguam.

Dengan melanjutkan pengajian dalam jurusan Undang-undang, Dayangku Durratul Mumtazah berharap akan boleh mencekапkan lagi sistem undang-undang di Negara Brunei Darussalam demi menjaga keselamatan serta keharmonian negara dan rakyat Brunei, dalam masa yang sama, mencapai Wawasan Brunei 2035.

Manakala bagi Awang Muhammad Faiq bin Shahari yang mengambil jurusan Bsc (Hons) Healthcare Science (Cardiac Physiology) pula berharap dengan peluang yang diberikan bagi melanjutkan lagi pengajiannya dalam bidang Cardiac Physiology di University of Leeds itu nanti akan dapat membantu bagi meningkatkan tahap pendidikan dan ilmu beliau dalam bidang yang diceburi dan insyaAllah dapat mencapai dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 pada masa akan datang.

UNISSA meterai kerjasama bersama 4 pengusaha pertanian



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SINAUT, Rabu, 23 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Pertanian (FP) menjalin kerjasama bersama empat pengusaha pertanian di negara ini melalui Memorandum Perjanjian (MoA) yang diadakan bersempena Mahrajan Hafiz Al-Takharruj Ke-13.

Penandatanganan MoA yang berlangsung di Kampus Sinaut UNISSA itu adalah di antara Fakulti Pertanian UNISSA dengan Maya Breeder Farm; RZ Prisma Enterprise; Hasmit Enterprise; dan Ibnu Anwari Enterprise.

Jalinan kerjasama antara

UNISSA dengan pengusaha-pengusaha tersebut adalah salah satu usaha dalam mewujudkan, menggalakkan dan membangunkan kerjasama dalam bidang penyelidikan, pendidikan dan program latihan berkaitan pertanian.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Dekan, Fakulti Pertanian, UNISSA, Profesor Madya Dr. Hajah Rose binti Abdullah yang disaksikan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat majlis.

Pada penandatanganan

tersebut, Maya Breeder Farm diwakili oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin selaku Pengarah Urusannya manakala Pengiran Dato Paduka Haji Abd Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail menandatangi bagi RZ Prisma Enterprise selaku Pengarah Urusannya.

Sementara itu, menandatangani bagi pihak Hasmit Enterprise ialah Pengurus syarikat, Awang Haji Hassan bin Haji Asbi dan Ibnu Anwari Enterprise pula diwakili oleh Pengarah Urusannya, Awang Mohamad Faiyadh Syairazie Haji Anwari.

Terdahulu, Dekan, Fakulti



PENANDATANGANAN Memorandum Perjanjian di antara Fakulti Pertanian UNISSA dengan Maya Breeder Farm; RZ Prisma Enterprise; Hasmit Enterprise; dan Ibnu Anwari Enterprise yang disaksikan oleh Rektor UNISSA, selaku tetamu kehormat majlis yang berlangsung di Kampus Sinaut UNISSA (atas dan kiri).

Pertanian, UNISSA, Profesor Madya Dr. Hajah Rose dalam ucapannya antara lain mengongsikan, penubuhan FP sebagaimana yang dinyatakan dalam titah saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan tidak berjadual pada 12 Oktober 2020, merupakan salah satu detik bersejarah perkembangan UNISSA.

Sektor pertanian tambahnya adalah sektor utama yang penting kerana pertanian adalah bersangkutan paut dengan kehidupan manusia dan keberlangsungannya. Terdapat banyak ayat-ayat

Al-Quran dan Hadis-hadis yang berkaitan dengan pertanian.

"Alhamdulillah, dalam masa usia FP yang masih muda, FP telah menerima kerjasama yang erat daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakan dan juga pengusaha-pengusaha pertanian terutama sekali Pengusaha-pengusaha yang pada hari ini menandatangani MoA," jelasnya.

Pengusaha-pengusaha ini ujarnya telah menunjukkan komitmen yang tinggi kepada FP sama ada dalam pembelajaran dan penyelidikan. Sumbangan yang telah diberikan telah banyak menolong melancarkan aktiviti FP secara praktikal.

PROGRAM SOUQ TANI KETENGAHKAN PRODUK PERTANIAN



TUTONG, Jumaat, 25 Ogos. - Program Ekspo dan Keusahawanan Souq Tani berlangsung selama empat hari bermula 22 hingga 25 Ogos 2023 sempena Mahrajan Hafli At-Takharruj Ke-13, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali semasa mengunjungi dan berinteraksi bersama pengusaha-pengusaha Program Ekspo dan Keusahawanan Souq Tani (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Program yang diadakan di Dewan Serbaguna Al-Rayyan, Kampus Sinaut, Tutong, UNISSA disertai oleh seramai 30 pengusaha-pengusaha tempatan dari Sektor Pertanian, Perikanan, Agrimakanan serta dari Sektor Makanan dan Minuman.

Antara pengusaha yang terlibat adalah Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.; InnovAero Sdn. Bhd.; Fatih Aquaculture; Morifarm; Cahaya Agro; Eco Nadi; dan Ibnu Anwari Enterprise.

Berkesempatan untuk mengunjungi dan berinteraksi bersama pengusaha-pengusaha pada hari pertama Program Souq Tani adalah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal.

Program Souq Tani yang julung kalinya dianjurkan oleh Fakulti Pertanian dan Faculty of Agriculture Students' Society (FASS) mempunyai objektif untuk membuka ruang kepada pengusaha-pengusaha industri pertanian serta makanan dan minuman untuk memperkenalkan dan menjual produk mereka.

Program tersebut juga membuka peluang hubungan rangkaian di antara pelajar-pelajar, khususnya Pelajar Fakulti Pertanian, dengan pengusaha-pengusaha

yang terlibat bagi perkongsian pandangan, amalan terbaik dan bimbingan mengenai industri pertanian dan perikanan.

Selaras dengan salah satu objektif Fakulti Pertanian untuk melahirkan graduan-graduan yang dapat mengenal pasti peluang keusahawanan yang ada, khususnya di dalam industri pertanian, Program Souq Tani diharap dapat menjadi platform bagi pelajar-pelajar Fakulti Pertanian untuk mula berkecimpung di dalam bidang keusahawanan dan meningkatkan daya saing diri.

Program juga secara tidak langsung bertujuan untuk memupuk dan membina minat keusahawanan di dalam industri pertanian agar dapat menyumbang kepada pertumbuhan industri pertanian di Negara Brunei Darussalam.

Fakulti Pertanian di UNISSA telah ditubuhkan pada Januari 2021, dan antara program yang ditawarkan adalah Program AgriBridge; Program Sarjana Muda Pertanian (Agribisnes); Program Sarjana Muda Pertanian (Agroteknologi); Program Sarjana Pertanian (Agribisnes) (secara kajian); Program Sarjana Sains Pertanian (secara kajian) dan Program Doktor Falsafah.

72 pelajar tamat Perkhemahan Motivasi PIP YSHHB

Oleh : Dk. Vivy Maessa Pg. Ibrahim

Foto : Dk. Vivy Maessa Pg. Ibrahim, Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah



PENOLONG Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman juga selaku Pemangku Pengarah Urusan dan Ahli Lembaga Pengarah YSHHB hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada peserta.

TUTONG, Jumaat, 25 Ogos. - Perkhemahan Motivasi Program Intervensi Pendidikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PIP YSHHB) 2023 berakhir hari ini dengan Majlis Penutup yang berlangsung di Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET), Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman juga selaku Pemangku Pengarah Urusan dan Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Seramai 72 pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun 11 dan Darjah VI sekolah ugama yang

dengan persembahan daripada para peserta perkhemahan berkenaan.

Kemudian, penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta dan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada fasilitator disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Semasa majlis ini, juga disampaikan sumbangan khusus untuk surau di PTET berupa 15 gulung sejadah dan enam buah kipas angin yang diterima oleh Pemangku Pengetua PTET, Awang Haji Azrin bin Haji Bolhassan.

Perkhemahan Motivasi merupakan salah satu projek di bawah PIP YSHHB dan diadakan sempena cuti penggal persekolahan.

Tujuan perkhemahan adalah bagi menanam semangat yang positif dan membangun serta membentuk para pelajar untuk menjadi orang yang beriman, berdisiplin, berkeyakinan, bertanggungjawab dan berwibawa yang menjadi asas untuk membantu mereka meraih kejayaan dalam kehidupan.

Projek Kelas Tuisyen di bawah PIP YSHHB adalah salah satu inisiatif YSHHB khusus bagi membantu mempertingkatkan pencapaian pendidikan anak-anak daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan yang dikenal pasti sebagai memerlukan bimbingan rapi dalam bidang akademik supaya mereka dapat meneruskan pengajaran dengan sempurna hingga ke peringkat yang lebih tinggi.



ANTARA persembahan daripada para peserta Perkhemahan Motivasi Program Intervensi Pendidikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PIP YSHHB) (atas). Sementara gambar bawah, antara peserta yang hadir pada majlis tersebut.



MEMAHAMI MESEJ, FAKTOR MENARIK DALAM BUKU PUISI



PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab menyampaikan sijil kepada pembimbing Bengkel Penulisan Resensi Buku Sastera Kreatif : Puisi iaitu Dr. Haji Morsidi bin Haji Muhamad (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada bengkel tersebut.

BERAKAS, Khamis, 24 Ogos. - Sebanyak dua buah buku puisi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dijadikan sebagai bahan bengkel untuk diresensiakan pada Bengkel Penulisan Resensi



Buku Sastera Kreatif : Puisi sempena Bulan Bahasa 2023 yang diadakan di Dewan Pateh Berbai, DBP, di sini.

Sehubungan itu, bengkel yang diadakan selama dua hari bermula

kelmarin berakhir petang tadi dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para peserta dan pembimbing bengkel yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Bengkel tersebut adalah kesinambungan daripada Program Resensi Buku Sastera Kreatif yang telah diadakan pada Isnin, 7 Ogos 2023 di Dewan Perpaduan, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, semasa Pesta Buku Brunei 2023 dianjurkan.

Antara objektif bengkel ialah untuk memahami mesej dan dapat menyenaraikan faktor-faktor menarik dalam sebuah buku puisi; memahami dan mendalamai tajuk buku, melatih dan merangka penulisan berdasarkan kesesuaian tajuk yang dipilih; menentukan arah atau batasan dalam penulisan, berfikir secara kritis dalam mengembangkan setiap elemen; dan memberi motivasi untuk mengasas bakat dalam arena penulisan.

Melalui bengkel tersebut para peserta juga dapat mempelajari jenis-jenis resensi, serta dalam masa yang sama diberi pendedahan kepada tanggungjawab sebagai seorang pembaca dalam menilai karya-karya sastera kreatif, dan diberi ruang untuk memahami dan mengulas karya-karya secara singkat, ringkas dan padat.

Bengkel Penulisan Resensi Buku Sastera Kreatif: Puisi itu dibimbing oleh Dr. Haji Morsidi bin Haji Muhamad (penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara Tahun 2021).

Sasarannya bengkel adalah untuk menggalakkan penyertaan peraduan iaitu Peraduan Penulisan Resensi Buku Puisi yang dirancang dibuka pada hujung bulan Ogos atau awal bulan September 2023, di mana jumlah peserta adalah terhad bertujuan agar setiap peserta dapat melalui sentuhan trainer one-to-one sepanjang bengkel.

Sementara sasaran peserta

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

adalah dari kalangan pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; mahasiswa-mahasiswa Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, guru-guru aliran sastera; pelajar-pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi; Pengkaji-pengkaji Sastera; dan orang persendirian.

WAKIL peserta semasa menyampaikan ucapan.



سورو هنجای قر خدمت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**



Bengkel kongsi teknik pertanian moden

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



PARA belia dan juga orang ramai semasa mempelajari cara-cara membina Sistem Vertical Farm dengan menggunakan barang-barang yang boleh diperoleh di pasaran tempatan (kiri dan atas).

SINAUT, Khamis, 24 Ogos. - Pelbagai program dan aktiviti disusun bersempena Mahrajah Hafl At-Takharruj Ke-13 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) antaranya termasuk Program Bengkel yang dianjurkan oleh

Fakulti Pertanian, UNISSA.

Bengkel dibuka kepada pelajar-pelajar dan juga orang ramai untuk mempelajari teknik pertanian moden iaitu Vertical Farming dengan menggunakan sistem hidroponik.

Bengkel ini dikendalikan oleh Awang Muhammad Afif Rusydi bin Haji Muhammad Kartolo, pelajar Sarjana Pertanian (Agribisnis), Fakulti Pertanian, UNISSA. Ia bertujuan untuk memberikan

pendedahan kepada belia-belia dan juga orang ramai mempelajari cara-cara membina Sistem Vertical Farm dengan menggunakan barang-barang yang boleh diperoleh di pasaran tempatan.

Diharapkan program ini boleh meningkatkan ilmu dan juga kreativiti orang ramai dan juga belia-belia dalam mencuba dan menceburi teknik-teknik pertanian moden.

PERTANDINGAN INOVASI PRODUK HALAL LABUH TIRAI

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



SINAUT, Khamis, 24 Ogos. - Projek bertajuk 'Development of Halalan-Tayyiban Plant-Based Cheese Formulations' yang dilaksanakan oleh Hasna Basirah dan Profesor Beston Nore dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) meraiah tempat pertama pada Pertandingan Inovasi Produk Halal Ke-3 2023 anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai BND300.

Manakala tempat kedua pula milik Md. Haziq Aiman bin Azri

Irwandy, Nabilah Ulfah binti Haji Jopry, Nur Jeslina binti Hasnal, Radi'atul Ewana Shafina binti Abdul Rahman dan Dayang Hajah Yumni Syakirah binti Haji Othman, peserta dari UNISSA, dengan projek produk inovasi mereka bertajuk 'KATA Pocket Translator Device' dan menerima hadiah BND250.

Sementara, Nur Atikah Fariah binti Muhammad Asrul, Nor Husna 'Afifi binti Zulhilmi, Dayangku Noorwatriyah Thaqifah binti Pengiran Haji Asri Sukaimi, Hajah Nur Munawwarah binti Haji Brahim, Nur Nabilah binti Haji Ramlii, Nur



MAJLIS Pengumuman dan Penyampaian Hadiah dan Sijil kepada pemenang-pemenang Pertandingan Inovasi Produk Halal disempurnakan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim selaku tetamu kehormat (kiri dan atas).

Ily Maisarah binti Haji Mohd Yassin, Nurul 'Izzati binti Haji Kamri dan Nurzianatul Rasyidah binti Nasib pula mendapat tempat ketiga menerima wang tunai BND200 dengan produk inovasi bertajuk 'Preserving Consumer Rights through Brunei Halal Scanner'.

Majlis Pengumuman dan Penyampaian Hadiah dan Sijil kepada pemenang-pemenang Pertandingan Inovasi Produk Halal ini diadakan di Dewan Al-Rayyan, UNISSA, Kampus Sinaut, dan disempurnakan oleh

Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan rumusan pandangan salah seorang panel juri mengenai projek-projek para peserta, penyampaian sijil dan cenderahati kepada para juri dan diselajurkan dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada pemenang bagi pertandingan tersebut.

Pertandingan diselaraskan oleh

Penolong Pensyarah, Nor Surilawana Haji Sulaiman bersempena dengan Mahrajan Hafli Al-Takharruj Ke-13, UNISSA sepanjang bulan Ogos 2023 di mana ia menampilkan penyertaan dari beberapa pelajar Institut Pengajian Tinggi di negara ini.

Pertandingan bertujuan sebagai satu platform untuk menggalakkan para pelajar untuk memperkenalkan produk, projek dan kreativiti serta idea inovatif mereka kepada orang ramai.

Inovasi produk makanan, bukan makanan daripada Butterfly Pea



PARA pelajar dari Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengambil bahagian dalam demonstrasi Acara Inovasi Produk (atas, atas kanan dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

SINAUT, Khamis, 24 Ogos. - Pelajar dari Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengambil bahagian dalam demonstrasi Acara Inovasi Produk yang diadakan bersempena dengan Majlis Mahrajan Hafli Al-Takharruj Ke-13, di UNISSA Kampus Sinaut, di sini.


Inovasi produk diperoleh daripada Bunga Butterfly Pea

pelbagai rupa, yang juga dikenali sebagai Asian Pigeonwings. Bunga yang sederhana ini terbukti menjadi sumber inovasi produk dan manfaat kesihatan yang luar biasa.

Pelajar Fakulti Pertanian telah menyampaikan pelbagai produk makanan inovatif yang terdiri daripada serbuk, sirap, jelai, serta Nasi Kerabu. Pelajar Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban telah menunjukkan penciptaan sabun bar menggunakan campuran

zaitun, kelapa dan minyak sawit, dengan menekankan kepentingan amalan yang mementingkan alam sekitar.

Orang ramai memperoleh pandangan dalam teknik pengekstrakan, menonjolkan kepentingan dehidrasi bunga dalam menguatkan keceriaan warna. Bengkel praktikal mengenai pembuatan serbuk, jelai, sirap serta sabun memberikan pengalaman praktikal, seterusnya menekankan kepelbagai dan kebolehgunaan bunga itu.



PROJEK AMAL IHSANI BANTU MASYARAKAT MEMERLUKAN



AWANG Alwi bin Haji Md. Yussof selaku Ketua Kumpulan Jama'atul Masu'ulah (JM) menyampaikan sumbangan derma kepada Timbalan Yang Dipertua 1 Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), Dayang Hajah Juhana binti Haji Md. Jaya bagi pihak Yang Dipertua MKM.

■ Siaran Akbar dan Foto : Kumpulan Jama'atul Masu'ulah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Ogos. - Kumpulan Jama'atul Masu'ulah (JM), Program Pembangunan Eksekutif Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kohort-34 telah menyampaikan sumbangan berjumlah BND23,935.15 kepada Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) yang berlangsung di Pejabat MKM, hari ini.

Sumbangan daripada Kumpulan JM itu adalah hasil kutipan Projek Amal Ihsani yang dilaksanakan dari 14 Ogos hingga 26 Ogos 2023.

Sebahagian daripada hasil kutipan projek tersebut adalah sumbangan makanan asasi bagi empat keluarga untuk tempoh minimum satu tahun, yang terdiri daripada klien-klien MKM yang terpilih. Manakala selebihnya untuk disumbangkan kepada individu berkeperluan khas dan kanak-kanak bagi tempoh minimum dua tahun.

Kumpulan JM juga menyumbangkan sebuah peti ais beku (freezer) kepada MKM di mana ia juga adalah hasil daripada kutipan projek yang mereka

ungkayahkan. Penyampaian sumbangan derma itu disempurnakan oleh Awang Alwi bin Haji Md. Yussof selaku Ketua Kumpulan JM kepada Timbalan Yang Dipertua 1 MKM, Dayang Hajah Juhana binti Haji Md. Jaya bagi pihak Yang Dipertua MKM dan disaksikan oleh beberapa Ahli Jawatankuasa Tertinggi (AKJT) MKM dan Ahli-ahli JM EDPMMO Kohort-34.

Projek Amal Ihsani yang dilaksanakan oleh Kumpulan JM adalah susulan lawatan kerja Kumpulan EDPMMO Kohort-34 ke Pejabat MKM baru-baru ini.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mempertahankan Budaya Warisan Negara'. Tarikh Tutup : 30 Ogos 2023
2. 'Memeduli Golongan Berkeperluan Khas'. Tarikh Tutup : 6 September 2023
3. 'Membina Masyarakat Berminda Benci Rasuah'. Tarikh Tutup : 13 September 2023

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Suntikan **VAKSIN COVID-19** diberikan secara **PERCUMA** kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam



www.moh.gov.bn | 148

Pupuk inovasi, pertumbuhan bagi semua kategori perusahaan

■ Siaran Akbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

>> Muka 8

Beliau juga menyeru Ahli-ahli Ekonomi APEC untuk bekerjasama bagi mewujudkan persekitaran yang membolehkan untuk memupuk inovasi dan pertumbuhan bagi semua kategori perusahaan, termasuk yang dimiliki atau diterajui oleh individu yang mempunyai potensi ekonomi yang belum diterokai. Penglibatan perusahaan-perusahaan kecil ke dialog dasar juga akan mengukuhkan usaha dalam mewujudkan masa depan yang inklusif untuk semua.

Dalam mengongsikan pandangan NBD mengenai memperluaskan peluang bagi mereka yang mempunyai potensi ekonomi yang belum diterokai, Awang Mohammad Harris berkongsi usaha untuk meningkatkan peluang penyertaan bagi usahawan tempatan termasuk PMKS, melalui inisiatif-inisiatif seperti sokongan latihan kemahiran untuk orang yang mempunyai kebolehan yang berbeza melalui Pusat Pembangunan Belia dan inisiatif Digital for All yang mana ia menawarkan sokongan latihan kemahiran kepada warga emas.

Selanjutnya, di bawah agensi pertumbuhan dan pembangunan PMKS, Darussalam Enterprise (DARE), inisiatif DARE Links memberikan peluang kepada PMKS tempatan untuk mengambil bahagian di dalam rantaian bekalan pertubuhan dan syarikat besar seperti syarikat berkaitan kerajaan, badan berkanun dan pelaburan langsung asing.

Juga hadir semasa Mesyuarat 29th SME Ministerial Meeting adalah pegawai-pegawai dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta DARE.

Kenyataan Pengerusi bagi Mesyuarat 29th SME Ministerial Meeting yang lengkap boleh didapati melalui pautan Chair's Statement of the 29th APEC Small and Medium Enterprises Ministerial Meeting | APEC.

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 :

Tafsirnya : "Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingati Allah".

Menurut Ibnu Kathir, ayat tersebut merupakan dalil utama yang menganjurkan kita agar mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam semua aspek kehidupan sama ada dari segi perbuatan, percakapan serta sikap yang merangkumi adab, akhlak dan seumpamanya.

Keindahan sahsiah dan akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat berkenaan menunjukkan betapa pentingnya kita mencontohi keperibadian Baginda. Lebih-lebih lagi dalam perubahan zaman globalisasi

Menghiasi diri dengan adab dan akhlak mulia

kini, bukan sahaja adab yang semakin berkurang bahkan berlakunya kepincangan dan keruntuhan moral ataupun akhlak dalam segelintir masyarakat kita.

Sesungguhnya menghiasi diri dengan adab dan akhlak yang mulia adalah amat penting dalam membina dan membangun kerukunan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara kerana orang-orang yang berakhlik baik akan dipandang mulia di dunia dan amat tinggi darjatnya di akhirat nanti. Daripada Jabir Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Sesungguhnya yang paling aku cintai dan paling dekat denganku di akhirat nanti adalah orang yang mempunyai akhlak terbaik. Dan orang yang paling aku benci dan yang paling jauh dariku di akhirat nanti adalah orang yang paling jauh dariku di akhirat nanti adalah orang yang mempunyai akhlak yang paling keji, iaitu orang yang mereka-reka percakapannya, orang yang berlagak pandai dan orang yang bercakap besar (sombong dan bongkok)". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Agama kita sangat menitikberatkan soal adab dan akhlak dalam kehidupan. Bahkan adab dan akhlak adalah dua perkara yang sangat penting dan lebih diutamakan sebelum kita mempelajari sesuatu ilmu, kerana tiada gunanya seseorang itu memiliki ilmu yang hebat dan tinggi, akan tetapi tidak memiliki adab dan juga akhlak yang baik. Berkata Sheikh Qadir Al-Jailani : "Aku lebih menghargai orang yang beradab, daripada orang yang berilmu. Jika hanya berilmu, Iblis pun lebih tinggi ilmunya daripada manusia".

Penjagaan adab dan akhlak ini meliputi pelbagai sudut. Ini termasuk adab dengan Allah Subhanahu Wata'ala, adab dengan Rasulullah, adab dengan ibu bapa, guru, jiran, rakan, masyarakat bahkan adab dan akhlak dengan semua makhluk Allah Subhanahu Wata'ala secara umum.

Antara doa ringkas tetapi bermanfaat yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk diamalkan agar kita memiliki akhlak yang mulia, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Termizi, daripada Ziyad bin Ilaqah Radiallahuanhu daripada pakciknya, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam membaca doa :

Ertinya : "Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari akhlak, amal dan hawa nafsu yang mungkar".

Dalam Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada digariskan panduan mengenai adab dan akhlak yang perlu dijaga dan disempurnakan dengan baik. Adapun antara beberapa adab dan akhlak dalam Islam yang perlu diterapkan dalam kehidupan kita sehari-hari ialah :

Pertama : Bersikap lemah lembut.

Lemah lembut membawa arti kelembutan dalam setiap perkataan dan perbuatan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan dalam hadis Baginda bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menyukai sifat lemah lembut. Daripada Aisyah Radiallahuanha isteri Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "Hai Aisyah, sesungguhnya Allah itu Maha Lembut. Dia mencintai sikap lemah lembut. Allah akan memberikan pada sikap lemah lembut sesuatu yang tidak Dia berikan pada sikap yang keras dan juga akan memberikan apa-apa yang tidak diberikan pada sikap lainnya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Kedua : Berbuat baik sesama jiran tetangga.

Berbuat baik dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama jiran tetangga itu adalah amat penting bagi kerukunan hidup bermasyarakat dan bernegara. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda menyatakan bahawa antara kesempurnaan dalam memperlengkap keimanan seseorang itu ialah dengan menjaga hubungan silaturahim dan memuliakan jiran tetangga. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia memuliakan jirannya".

Ketiga : Menepati dan menuaikan janji.

Agama Islam amat menekankan mengenai kewajipan menepati dan menuaikan janji, kerana ia adalah lambang kepada kejujuran, kepercayaan dan kebersihan hati seseorang. Ketahui lah, bahawa menepati dan menuaikan janji itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berakhlik mulia dan bertakwa. Allah Subhanahu Wata'ala

berfirman dalam Surah Ali-Imran, ayat 76 :

Tafsirnya : "Bukan demikian, sebenarnya sesiapa yang menepati janjinya dan bertakwa maka sesungguhnya Allah mengasih orang-orang yang bertakwa".

Keempat : Senyum dan bermanis muka.

Ramai yang menyangka, amalan seperti senyum dan bermanis muka ini hanyalah amalan kecil yang mudah dilakukan dan ditinggalkan. Namun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melarang kita memperkecilkannya. Ini kerana memampakkan wajah ceria dan berseri-seri ketika bertemu dengan sesama Muslim akan mendapatkan ganjaran pahala seperti pahala bersedekah. Daripada Abu Dzar Radiallahuanhu, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "Senyumanmu di hadapan saudaramu adalah sedekah bagimu". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Adab dan akhlak yang terpuji hendaklah sentiasa ada dalam diri setiap individu pada setiap masa dan keadaan. Sesungguhnya memperbaiki diri dengan adab dan akhlak yang mulia adalah dituntut dalam agama Islam. Justeru, sesiapa yang ingin dihormati, disegani dan hidup bahagia hendaklah mempunyai adab dan akhlak yang mulia.

Akhirnya, marilah kita menghayati sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan berpegang teguh, mencontoh dan mengamalkan akhlak. Baginda serta menjadikannya sebagai petunjuk dan teladan kita dalam segala aspek kehidupan. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita akan mendapat syafaat daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mendapat berkat dan rahmat di hari akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Sesiapa yang taat kepada Rasulullah maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah dan sesiapa yang berpaling (daripada ketaatan itu) maka (janganlah engkau berduka kacera wahai Nabi Muhammad) kerana Kami tidak mengutus engkau untuk menjadi pemelihara mereka (daripada melakukan kesalahan)". (Surah An-Nisa, ayat 80)

SIJIL HALAL DIRAMPAS BERIKUTAN PENGGUNAAN BERUS BULU KHINZIR

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Syariah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Ogos. - Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah baru-baru ini menjalankan satu operasi di salah sebuah tempat perniagaan bersijil halal yang terletak di Kampung Lambak, Jalan Berakas.

Operasi tersebut dijalankan berikut maklumat yang diterima mengenai penggunaan berus berjenama Sancora dan tiga berus yang tidak mempunyai jenama yang diperbuat daripada bulu khinzir.

Berikut operasi tersebut, Sijil Halal tempat perniagaan berkenaan telah dirampas dengan serta-merta dan diarahkan untuk melaksanakan aktiviti penyertuan di tempat pemprosesan makanan yang tercemar.

Manakala kesemua makanan yang tercemar juga diarahkan untuk dilupuskan dengan serta-merta. Kes disiasat di bawah Bab 37, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Usgama (KHEU) juga ingin mengingatkan kepada pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimport produk dan barang gunaan di

negara ini supaya sentiasa berwaspada dan lebih peka terhadap produk-produk dan barang gunaan import yang akan dijual kepada orang ramai di pasar raya atau kedai masing-masing dengan memastikan produk-produk yang halal dan suci tidak bercampur dengan yang tidak halal.

Ini demi menjaga maslahat masyarakat Islam di negara ini dari terjebak mengambil dan menggunakan produk dan barang



BERIKUTAN operasi tersebut, Sijil Halal tempat perniagaan berkenaan telah dirampas dengan serta-merta dan diarahkan untuk melaksanakan aktiviti penyertuan di tempat pemprosesan makanan yang tercemar.

gunaan yang tidak halal.

Di samping itu, KHEU turut mengalu-alukan orang ramai yang ingin membuat aduan serta perkongsian maklumat mengenai penjualan produk-produk tidak halal secara terbuka di tempat-tempat perniagaan, bolehlah berhubung terus ke Jabatan Hal Ehwal Syariah melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal dengan menghubungi talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Faktor Risiko:

- ✖ Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- ✖ Mempunyai ahli keluarga yang mengidap kanser kolorektal.
- ✖ Pernah mengidap kanser kolorektal.
- ✖ Berat badan yang berlebihan.
- ✖ Merokok.
- ✖ Tidak aktif.
- ✖ Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- ✖ Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesahan awal untuk kanser kolorektal.
- Elakkan meminum minuman keras yang berlebihan.

Tanda-tanda kanser kolorektal:



- ✖ Perubahan dalam pergerakan usus.
- ✖ Darah dalam najis.
- ✖ Sakit perut yang berpanjangan.
- ✖ Kemung perut.
- ✖ Kurang selera makan.



Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 8 Safar 1445H / 25 Ogos 2023M

Menghiasi Diri dengan Adab dan Akhlak Mulia

Adab dan Akhlak

- Dua perkara yang sangat penting dalam membina dan membangun kerukunan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara
- Lebih diutamakan sebelum kita mempelajari sesuatu ilmu
- Meliputi pelbagai sudut, iaitu:

Adab dengan Allah SWT

Adab dengan Rasulullah SAW

Adab dengan ibu bapa, guru, jiran, rakan, masyarakat

Adab dengan semua makhluk Allah SWT

Antara adab dan akhlak yang perlu diterapkan dalam kehidupan kita seharian ialah:



Bersikap lemah lembut

Berbuat baik sesama jiran tetangga



Menepati dan menunaikan janji

Senyum dan bermanis muka



Apa yang boleh kita buat?

- ★ Hayati sunnah Rasulullah SAW
- ★ Berpegang teguh, contohi dan amalkan akhlak Baginda
- ★ Jadikan akhlak Baginda sebagai petunjuk dan teladan dalam segala aspek kehidupan

Doa agar memiliki akhlak yang mulia

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ مُنْكَرَاتٍ
الْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ وَالْأَهْوَاءِ

“Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari akhlak, amal dan hawa nafsu yang mungkar”

دعا ممohen كقد الله سقايي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنیس چاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سَبَحْتَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَآءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعَزَّةِ وَالْجَيْرَوْتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّنِي نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَبِيلِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَحِمْيَعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي كُنْدُونَ يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا يَأْذِنُهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ
٦٥٥

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran air hujan rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُنْقَضِي بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُثَبِّلُ بِهِ الرَّغَائِبَ وَحُسْنَ الْحَوَافِمْ، وَيُسْتَسْقَى بِالْعَمَامَ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَدُ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، حَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبَرًا وَنَتوَعْنَ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدَ قَعْمَلَنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَسِّيْ يَا قَيْوُمْ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

MINYAK MASAK PERTAMA BRUNEI PENUHI PIAWAIAN KUALITI TERTINGGI

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan bruneihalalfoods



MINYAK masak berkualiti tinggi keluaran Ghanim International Corporation Sendirian Berhad dengan kerjasama Western Foods and Packaging Sendirian Berhad (WFP) itu dilancarkan pada 31 Julai 2023.

TANAH JAMBU, Rabu, 23 Ogos. - Negara Brunei Darussalam kini mengeluarkan produk minyak masak sayuran pertama di bawah jenama bruneihalalfoods yang boleh didapati di kedai runcit dan pasar raya di seluruh daerah.

Minyak masak berkualiti tinggi keluaran Ghanim International Corporation Sendirian Berhad dengan kerjasama Western Foods and Packaging Sendirian Berhad (WFP) itu telah dilancarkan pada 31 Julai 2023.

Terdapat dalam dua saiz iaitu 1 liter dan 2 liter, idea penghasilan minyak masak berdasarkan sayuran itu tercusus sebagai sebahagian daripada aspirasi Ghanim International Corporation untuk memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada keterjaminan makanan, penggantian import dan pengeksporatan produk makanan.

Menyedari kepentingan dalam pembinaan perindustrian

pemakanan negara, Ghanim merebut peluang untuk mengeluarkan minyak masak pertama keluaran Brunei Darussalam dengan kerjasama bersama WFP Sdn. Bhd. yang berada di Serasa, Brunei Darussalam.

Ghanim bertekad untuk memasarkan minyak masak ini di kedai-kedai runcit dan gedung-gedung perniagaan di seluruh negara dan berhasrat untuk memasarkan minyak masak ini ke luar negara dengan harapan produk bruneihalalfoods mampu bersaing dengan produk antarabangsa luar negara dan mempunyai standard kualiti yang tinggi.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan akan kualiti minyak tersebut terjamin dan selamat digunakan oleh pengguna, Ghanim setentunya mementingkan kualiti dan keselamatan makanan

dan minuman yang akan dijual. Ahli-ahli Quality Assurance &

Quality Control (QA) daripada kedua-dua belah pihak Ghanim dan WFP bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk mengawasi keseluruhan proses pengeluaran dengan menjalankan audit dan pemeriksaan yang ketat dalam pelbagai peringkat pengeluaran untuk mengenal pasti isu-isu yang mungkin berpotensi serta memastikan standard kualiti yang tinggi.

Ghanim dan WFP juga mematuhi standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai garis pandu dalam mengikuti sistem pengurusan makanan. Dengan mengikuti langkah-langkah seperti pemeriksaan bahan mentah dan ujian analisis yang ketat, ini akan dapat menjamin produk minyak masak tersebut adalah selamat untuk digunakan oleh pengguna dan memenuhi standard kualiti yang tertinggi dalam industri pemakanan.

Sementara itu, menyentuh mengenai kelebihan dan manfaat minyak masak tersebut, minyak masak keluaran bruneihalalfoods ini menawarkan pelbagai kelebihan dan faedah kepada pengguna.

Pertama sekali, minyak masak bruneihalalfoods ini bebas daripada *allergen* yang menjadikannya pilihan yang selamat untuk individu yang mempunyai alergi dan sensitiviti terhadap *gradient* tertentu. Minyak masak bruneihalalfoods ini stabil pada suhu tinggi, menjadikannya sesuai untuk menggoreng di mana ia membantu hidangan menjadi rangup dan dimasak serta-merta.

Selain itu, minyak masak ini juga dapat menjimatkan kos kerana boleh dipakai secara kerap. Minyak bruneihalalfoods ini juga tidak menganggu kualiti rasa dan tidak juga mengeluarkan bau yang tidak diingini serta menjadikannya minyak masak yang serba boleh atau *versatile* untuk pelbagai jenis masakan.

Ghanim International Corporation sangat komited untuk memperluaskan produk portfolio bruneihalalfoods sebagai

sebahagian daripada matlamat eksport. Ghanim dengan kerjasama Darussalam Enterprise pada tahun 2023 menubuhkan kilang Brunei Food Industry Development (BFID) untuk menyokong aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk pertumbuhan industri pemakanan negara.

Dengan kemudahan BFID, pelbagai jenis produk termasuk

sos, produk sejuk beku, produk makanan dalam tin, makanan sedia dimakan *ready to eat*, makanan ringan, dan lain-lain dapat dikeluarkan untuk pasaran tempatan dan luar negara. BFID juga mempunyai ruangan khusus yang boleh disewa oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana untuk memproses makanan mereka.

Pasar Tani Temburong promosikan usahawan tempatan

Siaran Akbar : Darussalam Enterprise

TEMBURONG, Khamis 24 Ogos. - Darussalam Enterprise (DARe) dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong akan menganjurkan Pasar Tani Temburong, iaitu sebuah acara perintis dihasrat untuk memperkuatkannya aktiviti keusahawanan di Daerah Temburong.

Acara tersebut akan menghimpunkan para petani, pengeluar produk tempatan dan mereka yang mahir dalam pertukangan untuk memamerkan hasil tanaman segar, barang buatan tangan dan produk-produk lain mereka secara terus kepada pengguna.

Pasar Tani Temburong, akan diadakan pada 26 hingga 27 Ogos 2023 di kawasan Supertree dan Kompleks Bumiputera Daerah Temburong, dibuka bermula jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam pada Sabtu dan bermula 8.00 pagi hingga 6.00 petang pada Ahad.

Antara objektif pengangurannya adalah untuk mencapai pelbagai objektif iaitu menyediakan platform sokongan bagi usahawan sedia ada, di samping untuk menarik bakat baharu di Daerah Temburong dan menyediakan mereka dengan jalan untuk memamerkan produk dan perkhidmatan mereka serta untuk menarik pengunjung dari daerah lain untuk merasai sendiri keunikan yang ditawarkan di Daerah Temburong.

DARe berhasrat menjadikan Pasar Tani Temburong sebagai pemangkin untuk mempromosikan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan dan produk serta perkhidmatan yang ditawarkan.

Melalui pasaran fizikal dan luar talian ini, DARe bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap kreativiti, pertukangan tangan dan inovasi usahawan tempatan.

Konsep reka bentuk pasaran berkenaan mencerminkan inti pati semangat masyarakat dan kepelbagaiannya budaya yang terdapat di Daerah Temburong.

Dengan mewujudkan ruang untuk memupuk hubungan bermakna antara vendor dan pengguna, acara tersebut bertujuan untuk meraikan kekayaan warisan dan tradisi Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, DARe mengalu-alukan orang ramai untuk berkunjung ke Pasar Tani Temburong bagi sama-sama menyokong pengusaha tempatan.

Untuk maklumat lanjut, ikuti laman media sosial Facebook dan Instagram DARe @darussalamenterprise.

ICU 3 dipindah sementara

Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Ogos. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Unit Rawatan Rapi 3 (ICU 3) yang terletak sebelah Bilik Bedah di Tingkat 1, Blok 4 akan berpindah sementara ke Tingkat 3, Blok 3 (berhadapan kantin dan koperasi BKSS), iaitu di antara Wad ICU 1 dan Unit Dialisis, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bermula pada Khamis, 24 Ogos 2023.

Penempatan sementara ini adalah disebabkan oleh pemasangan dua unit penghawa dingin bagi menambahkan kapasiti penyeludupan di ICU 3, yang bertujuan untuk memberikan keselesaan kepada para pesakit.

ICU 3 akan berpindah balik semula ke tempat asal setelah kerja-kerja pemasangan selesai dilaksanakan.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan dan ketidaksesuaian yang dialami. Kefahaman, kerjasama dan kesabaran orang ramai adalah sangat dihargai.

Daftar keputusan Peperiksaan GCE 'O', IGCSE melalui SMS

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Khamis, 24 Ogos. - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) Sesi Mei / Jun 2023.

Ibu bapa atau penjaga dan pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan ini boleh membuat pendaftaran melalui SMS dengan memasukkan

teks berikut : MOEREGO[KOD PUSAT] [NOMBOR CALON][NOMBOR I.C. CALON] dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. dan 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Tiada bayaran akan dikenakan sewaktu pendaftaran melalui telefon bimbit. Ibu bapa atau penjaga dan pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan ini mulai pada Jumaat, 25 Ogos 2023.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan dari Jabatan Peperiksaan,

Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan tersebut. Pelanggan akan dikenakan pembayaran berjumlah BND3 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan yang disediakan ini akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai, terutama sekali para ibu bapa atau penjaga dan pelajar serta pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau ingin menghadapkan sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung terus melalui nombor +673 8671355 atau e-mel kepada moeresults@machbrunei.com.

MEMASTIKAN AKTIVITI PERNIAGAAN DIJALANKAN SECARA BERETIKA, TIDAK MENGELIRUKAN



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik



BAHAGIAN Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui Unit Sukatan dan Timbangan dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa mengadakan operasi bersepdua ke atas beberapa buah premis perniagaan di Kampung Sungai Liang dan Kampung Lumut, Daerah Belait (atas dan atas kanan).

BELAIT, Rabu, 23 Ogos. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepdua ke atas beberapa buah premis perniagaan di Kampung Sungai Liang dan Kampung Lumut, Daerah Belait pada Selasa, 15 Ogos 2023.

Operasi berkenaan menguatkuaskan akta dan peraturan seperti Akta SDT 1983 Penggal 151, iaitu memastikan sebarang

penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan hendaklah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT; dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, iaitu bagi barang yang dikawal harga di bawah akta berkenaan tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan bagi barang yang dijual untuk dipamerkan tanda harga dengan jelas dan tidak mengelirukan.

Hasil daripada operasi tersebut didapati sebanyak 20 unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta SDT 1983, Penggal 151 dan Peraturan-peraturan (Penelitian)

Alat-alat SDT 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).

Para penguat kuasa Unit SDT juga mendapat beberapa buah premis perniagaan tidak memamerkan tanda berat bersih ke atas produk-produk berbungkus seperti sayur, buah, makanan kering dan barang mentah dan memamerkan tanda berat yang tidak selaras sepertimana tanda berat yang tertera pada setiap bungkus.

Pihak pengurusan dan pekerja-pekerja pembungkus juga telah dikongsikan tatacara pembungkus dan menimbang dengan betul.

Sementara itu, pihak JPES telah mengeluarkan dua Notis

Amaran dan tiga kompaun berjumlah BND500 dan BND700 kepada empat buah premis perniagaan bagi kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu menjual minyak masak melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan kegagalan mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barang yang dijual di dalam premis perniagaan.

Para peniaga adalah diingatkan bahawa semua produk yang dipamerkan untuk dijual kepada pelanggan dikehendaki dengan perintah di bawah Akta SDT 1983 Penggal 151 untuk mempamerkan tanda berat bersih yang betul dan jelas.

Kegagalan dalam mematuhi mana-mana syarat di bawah akta ini adalah kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND500 atau penjara selama tiga bulan.

Para peniaga turut diberi peringatan untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara beretika dan tidak mengelirukan pengguna dengan mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Ketidakpatuhan terhadap akta berkenaan boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000 dan bagi kesalahan berulang boleh dikenakan denda maksimum sebanyak BND20,000 dan penjara selama lima tahun.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT melalui e-mel : sdt@mofe.gov.bn atau talian +673 2334092; dan iJabatan Hal Ehwal Pengguna melalui Talian Darussalam 123 dan aplikasi mudah alih *PenggunaBijak* atau e-mel kepada aduanpengguna@jpss.gov.bn.

kepimpinan dan membentuk perwatakan mahasiswa / mahasiswi.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang kem kepimpinan adalah aktiviti berunsur terhadap mengasuh kemahiran insaniah (*soft skills*) seperti kepimpinan, kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan pengurusan masa yang baik kerana ia amat diperlukan bagi setiap mahasiswa / mahasiswi agar mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Presiden EKK Alumni, Muhammad Azib bin Alias, menitik beratkan kepentingan peranan siswazah dalam membimbing mahasiswa mahasiswa berpandukan asas dan nilai murni yang diajarkan dalam Al-Quran agar dapat membentuk insan yang syumul.

Beliau juga berharap persatuan alumni akan terus bergiat aktif dalam pelbagai program bimbingan dan pembangunan belia sebagai usaha dalam menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada lawatan tidak berjadual ke UBD pada 19 Februari 2020 dalam melahirkan generasi yang berperwatakan hebat lagi berkualiti.

45 sertai Kem Kepimpinan Belia 2.0



PARA peserta yang menyertai Kem Kepimpinan Belia 'Youth Impact Camp 2.0' yang berlangsung baru-baru ini di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Ogos. - Seramai 45 orang menyertai Kem Kepimpinan Belia 'Youth Impact Camp 2.0' selama

dua hari dua malam yang berlangsung baru-baru ini di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD). Kem Kepimpinan tersebut

adalah anjuran bersama Alumni Eksekutif Keagamaan dan Kerohanian (EKK Alumni), Gild Siswazah Universiti Brunei Darussalam dan Unit Kerohanian & Khidmat Masyarakat (UKKM), Bahagian

Hal Ehwal Pelajar UBD dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti.

Kem yang telah dianjurkan buat kali kedua ini bertujuan untuk membina potensi

PELANCARAN KEMPEN PROMOSI BSM

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Ogos. - Orang ramai kini berpeluang untuk menyertai Kempen Promosi Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad (BSM), melalui dua promosi, iaitu Rewarding Journey with Shell dan Shell Motorsports Series 2 Collection yang dilancarkan hari ini.

Promosi Rewarding Journey with Shell yang bermula dari 25 Ogos hingga 25 November 2023 nanti, menawarkan para pelanggan peluang mendapatkan barang Shell yang eksklusif dan penyertaan ke dalam cabutan hadiah bulanan pada bulan Oktober dan November apabila mereka membuat pembelian mana-mana minyak pelincir Shell Helix atau Shell Rimula semasa

tempoh promosi ini.

Semasa pengumuman promosi berkenaan berlangsung di BSM Collaborative Corner, Bangunan PGGMB, Customer Excellence Implementer, BSM, Awang Waliyuddini Zaini menjelaskan, dengan setiap pembelian minyak pelincir berkenaan semasa tempoh promosi ini, pelanggan layak bagi satu penyertaan cabutan bertuah bulanan di mana promosi berkenaan akan berakhir dengan cabutan hadiah utama pada bulan Disember, iaitu hadiah untuk tiga orang ke Dubai termasuk lawatan ke Ferrari World Abu Dhabi.

Bagi promosi ini, pelanggan boleh mengunjungi mana-mana kedai yang ikut serta termasuk bengkel-bengkel Shell Helix dan stesen-stesen minyak Shell.

Dalam pada itu, BSM, selaku pengedar utama minyak pelincir Shell di Negara Brunei Darussalam turut memperkenalkan Kod QR 'Untuk Pasaran Brunei' pada produk-produk minyak pelincirnya, bagi memastikan para pelanggan mendapatkan minyak pelincir yang berkualiti dan diiktiraf.

Pelanggan boleh mengimbas pelekat Kod QR pada penutup botol minyak pelincir berkenaan untuk mengenalpasti produk-produk minyak pelincir yang diedarkan oleh BSM.

Ketua Komersial BSM, Dayang Erdiana binti Haji Abdul Halim berkata, Kod QR tersebut juga memiliki ciri-ciri anti pemalsuan (*anti-counterfeit features*) yang dihasilkan khusus untuk BSM di mana setiap satu daripada produk berkenaan mempunyai kod-kod yang berlainan.

Melalui pelekat Kod QR tersebut, pelanggan juga boleh ikut serta pada promosi Rewarding Journey with Shell dengan mengimbas Kod QR berkenaan dan memasukkan butir-butir penyertaan.

Sementara itu, bagi kempen promosi Shell Motorsport Series 2 Collection pula khusus bagi pelanggan yang membuat pembelian Shell V-Power dan minyak pelincir Shell di stesen-stesen minyak Shell.

Koleksi model kereta siri kawalan jauh Bluetooth kali ini menampilkan tujuh buah model terbaru antaranya ialah Team Penske Ford Mustang GT, Team Penske Indycar, Hyundai i20 Rally 1 Hybrid, Nissan FE Team Gen 3 Car, BMW M Hybrid V8 dan Forze Hydrgen Racing Forze IX.



KETUA Komersial BSM, Dayang Erdiana binti Haji Abdul Halim semasa memberikan penjelasan (atas), manakala gambar bawah kiri, antara produk BSM.

Bermula 25 Ogos 2023, pelanggan boleh membeli model kereta premium Ferrari F1-75 berharga BND10.90 dengan setiap pembelian minyak pelincir yang terpilih di mana-mana stesen minyak Shell.

Manakala bagi model kereta lainnya, pelanggan akan diberikan satu pelekat dengan setiap pembelian minyak pelincir Shell V-power BND5 dan bagi setiap

empat pelekut terkumpul, pelanggan boleh mendapatkan satu koleksi model kereta dengan harga BND10.90 setiap satu.

Bukan itu sahaja, pelanggan juga boleh membeli Bateri Pintar Kawalan Jauh Bluetooth dengan harga BND9.90 di mana-mana stesen minyak berdekatan. Kempen ini akan berjalan sehingga 31 Disember 2023.

Perubahan waktu operasi kaunter perkhidmatan, Pusat Panggilan TAP

Siaran Akhbar dan Infografik : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Ogos. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai waktu operasi baharu bagi kaunter-kaunter perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP seperti dalam rajah.

Perubahan waktu operasi kesemua kaunter perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP adalah bermula pada Jumaat, 1 September 2023.

Dalam hal yang sama, setiap ahli adalah dinasihatkan untuk mendaftar sebagai pengguna portal e-Amanah melalui laman sesawang TAP www.tap.com.bn bagi membolehkan ahli untuk mengakses perkhidmatan TAP secara dalam talian seperti menghadapkan permohonan pengeluaran TAP/SCP/SPK, mendapatkan penyata SPK yang akan turut memperlhatkan perkiraan bulanan anuiti bulanan dan juga kemudahan-kemudahan lain seperti mengemas kini maklumat peribadi.

Bagi memudahkan ahli untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dengan SPK, ahli dan majikan bolehlah melayari laman sesawang yang telah dinaik taraf bagi memastikan ia adalah lebih mesra pelanggan dan diharap menjadi SPK one stop information centre.

Bagi maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai juga boleh menghubungi Pusat Panggilan TAP melalui talian +673 2722929 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn.

PERKHIDMATAN HARI	KAUNTER PERKHIDMATAN	PUSAT PANGGILAN
Hari Isnin sehingga Hari Khamis	8.00 pagi sehingga 12.15 tengahari 3.30 petang	8.00 pagi sehingga 12.15 tengahari 1.30 petang sehingga 4.30 petang
Hari Jumaat	8.00 pagi sehingga 11.00 pagi 2.30 petang sehingga 3.30 petang	8.00 pagi sehingga 11.45 pagi 2.30 petang sehingga 4.30 petang
Hari Sabtu	8.30 pagi sehingga 11.30 pagi (Cawangan Ibu Pejabat TAP Bangunan PGGMB sahaja)	8.30 pagi sehingga 11.30 pagi

Pelajar Halal Science hasilkan video animasi pendek 'From Farm to Fork'



PAMERAN Model Halal Supply Chain merupakan projek ahli badan pelajar Halalan Thayyiban Student Society.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

TUTONG, Rabu, 23 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dan Fakulti Pertanian mengadakan Mahrajan Hafiz Al Takharuj UNISSA Ke-13 yang lazimnya diadakan pada setiap tahun untuk meraikan para graduan.

Pada tahun ini, acara dan aktiviti bersempena dengan Mahrajan diadakan di Kampus UNISSA Sinaut.

Pelbagai program turut diadakan seperti Pameran Model Halal

Supply Chain, Tayangan Video Animasi Pendek 'From Farm to Fork' dan beberapa aktiviti menarik berkaitan halal.

Pameran Model Halal Supply Chain merupakan projek ahli badan pelajar Halalan Thayyiban Student Society yang diketuai oleh Penolong Pensyarah di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA Dayang Raihana binti Mohd Raffi.

Melalui projek ini juga, satu video animasi pendek yang membawa konsep 'From Farm to Fork' berjaya

dihadiahkan dan akan dipamerkan bermula 22 hingga 25 Ogos 2023 bertempat di Dewan Serbaguna Al Rayyan di kampus tersebut.

Pameran tersebut dibuka secara percuma untuk kunjungan orang ramai.

Di samping itu, bagi memeriahkan lagi sambutan Mahrajan dan untuk penarik pengunjung yang terdiri dari orang awam dari pelbagai lapisan masyarakat, badan pelajar tersebut juga ada mengungkapkan beberapa aktiviti menarik dengan tujuan untuk menyebarkan

maklumat berkaitan produk makanan halal dan tidak halal.

Ini kerana wujud segelintir pengguna media sosial yang menyebarkan maklumat halal palsu terutamanya melibatkan elemen haram dan najis umpama khinzir dan deravatifnya.

Oleh itu, badan pelajar

mengambil inisiatif untuk memainkan peranan penting sebagai mahasiswa di negara ini yang dapat memberi rangsangan dan penekanan kepada masyarakat mengenai kepentingan dan kefarduan mencari yang halal dalam kehidupan agar memperoleh keberkatan hidup.



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING



1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 Lengkapkan Kelulusan (Reputasi / pengalaman serta subjek / bidang kelulusan)

3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Soal tarikh dan pengisian Majlis Ketua Pengurusan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan)

4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5 Lengkapkan Maklumat (Kursus / pelajaran / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / latihan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skor ahlan)

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

+673 7371961



PSC.BN

query@spa.gov.bn



Talian WhatsApp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

	Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1.	PENYELLENGGARA STOR TINGKAT III E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2023/AUG/20	PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN	05	7(A)	02 SEPTEMBER 2023
2.	AHLI BOMBA PELATIH (LELAKI) P1 EB.2 (BAHAGIAN V) 2023/AUG/10	JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	03	7(A)	02 SEPTEMBER 2023
3.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN SUPERSCALE C / KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/AUG/11	BAHAGIAN PERUNDANGAN, ANTARABANGSA DAN PENYELIDIKAN KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	01	38(A)	02 SEPTEMBER 2023
4.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN SUPERSCALE C / KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/AUG/18	BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KEBERJAHERAAN (HAL EHWAH PENJARA, HAL EHWAH BOMBA DAN PENYELAMAT DAN HAL EHWAH PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN), KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	01	38(A)	02 SEPTEMBER 2023
5.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN SUPERSCALE C / KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/AUG/19	BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KESЕJAHTERAAN (HAL EHWAH IMIGRES DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN DAN HAL EHWAH BURUH), KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	01	38(A)	02 SEPTEMBER 2023
6.	TUGASAN TEKNIKAL (PERTUKANGAN KAYU) E.2-3 EB.4 / E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2023/AUG/06	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	03	7(A)	04 SEPTEMBER 2023
7.	PENGAJAR TEKNIK KANAN G.11 (BAHAGIAN II) 2023/AUG/26	INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	03	38(A)	04 SEPTEMBER 2023
8.	PENOLONG PENGARAH KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/AUG/30	BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN SUMBER MANUSIA, JABATAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	04 SEPTEMBER 2023

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2023 - 2024 / 23

Tajuk Tawaran :
Penyediaan Perkhidmatan Lawatan Suaikenal Bagi Social Media Influencer

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
31 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
KUPU SB / LTK / BBPK / 01-08 / 2023-2024

Tawaran Perkhidmatan Kenderaan Sewa Khas Bagi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 19 Safar 1445H / 5 September 2023M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
7 / OGOS / KKBS / BKB / 1.41 / 23

Tajuk Tawaran :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Perkhidmatan Penyewaan Alat Perhubungan (Walkie Talkie) Bagi Penggunaan Program-Program Di Bawah Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat pada Selasa, 5 September 2023.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / GEN / 003 [JPPK / LTK / 02 / 2023]

Minor Repair Works to 3 Units At Pangsa Idaman, Jalan Batu Satu

Kelas :
III dan ke atas sahaja

Kategori :
KA01, B01, E01, E02 & KPB02

Tempoh Penyiapan Kerja :
Tiga (3) Bulan

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 5 September 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
12 September 2023.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

Syarat-Syarat Tawaran:

Rujukan Tawaran :
JPA / 1.4 / UPK / EST / 003 / 2023

Tajuk Tawaran :
Term Contract For Housekeeping At Civil Service Club (2023)

Bayaran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat pada Selasa, 5 September 2023.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 88 / 23-24 - To Supply, Delivery, Installation, Configuration, Commissioning and Training New Audio Digital Mixer For Audio Outside Broadcast

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan) (termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
13 September 2023.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga:
(70) INFO / PK / K / 7 (2023-2024)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Dan Membekal Ball Pen Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga:
(71) INFO / PK / K / 7 (2023-2024)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Dan Membekal Payung Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga:
(72) INFO / PK / K / 7 (2023-2024)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Dan Membekal Sunshade Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga:
(73) INFO / PK / K / 7 (2023-2024)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Dan Membekal Woven Bag Jabatan Penerangan

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Isnin, 4 September 2023.
Jam 2.00 Petang.



Tarikh Tutup Tawaran :

Khamis,

7 September 2023.
Jam 2.00 Petang.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Daerah Brunei Muara

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 97 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 1 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di Bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Sekolah Rendah Serasa
2. Sekolah Rendah Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Muara
3. Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Kampung Serasa, Muara
4. Flat Perumahan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Kampung Serasa, Muara
- A) Flat Kelas F SM Pengiran Isteri Hajah Mariam (12 Unit)
5. Pusat Tingkatan Enam Meragang
6. Sekolah Rendah Tanah Jambu
7. Sekolah Rendah Haji Mohammad Salleh Sungai Hanching
8. Sekolah Rendah Kapok
9. Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali
10. Flat Perumahan SM Sultan Sharif Ali
- A) Flat Kelas F SM Sultan Sharif Ali (6 Unit)

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 98 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 2 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Sekolah Rendah Anggerek Desa
2. Flat Perumahan SR Anggerek Desa
- A) Flat Kelas F Blok A Dan B, SR Anggerek Desa (6+6 Unit)
3. Sekolah Rendah Pulaie
4. Sekolah Sukan Jalan Pulaie B) Asrama Lelaki Dan Perempuan Sekolah Sukan
5. Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna
6. Sekolah Rendah Amar Pahlawan
7. Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan
8. Sekolah Menengah Menglait

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei

IKLAN

Keterangan :
BM Zon 9 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Blok J, Kondominium Ong Sum Ping
2. Sekolah Rendah Mabohai
3. Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri
4. Flat Perumahan Jalan Ong Sum Ping
- A) Flat Kelas F Blok 5 Ong Sum Ping (6 Unit)
- B) Flat Kelas F Blok 6 Ong Sum Ping (6 Unit)
5. Tasek Apartment Jalan Tasek Lama Blok A Dan Blok B (96 Unit)

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 102 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 13 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Flat Kelas E Blok EF 18 Perumahan Beribi (8 Unit)
2. Flat Kelas E Blok EF 19 Perumahan Beribi (8 Unit)
3. Flat Kelas E Blok EF 20 Perumahan Beribi (8 Unit)
4. Flat Kelas E Blok EF 21 Perumahan Beribi (8 Unit)
5. Flat Kelas E Blok EF 22 Perumahan Beribi (8 Unit)
6. Flat Kelas E Blok EF 25 Perumahan Beribi (8 Unit)
7. Flat Kelas E Blok EF 26 Perumahan Beribi (8 Unit)
8. Flat Kelas E Blok EF 27 Perumahan Beribi (8 Unit)
9. Flat Kelas E Blok F 11 Perumahan Beribi (6 Unit)

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 103 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 14 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Sekolah Rendah Beribi Telanai
2. Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut
3. Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti Kilanas
4. Sekolah Rendah Bengkurong
5. Flat Kelas E SR Bengkurong (6 Unit)

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat

(24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 104 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 16 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Sekolah Rendah Sengkurong
2. Sekolah Rendah Awang Hj Mohd Yusof, Katimahar
3. Sekolah Rendah Jerudong
4. Sekolah Menengah Sayyidina Husain
5. Flat Kelas C, Kawasan Sekolah Menengah Sayyidina

Husain (6 Unit)
Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu,
9 September 2023.
[Tidak lewat jam 9.00 Paggi]



JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Tawaran :
"Projek Pembekalan dan Perkhidmatan Kereta Rasmi di Bawah Kawalan Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam"

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,



3 Oktober 2023.
Jam 2.00 Petang.

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12 dan Rang Iklan tersebut MESTILAH dihantar menggunakan BAHASA MELAYU SAHAJA.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBungi MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Tawaran		Tarikh Tutup Menghantar Borang Tawaran Ke Dalam Peti Tawaran (Tidak Dibenarkan Mengambil Borang Tawaran)
Tarikh Mula	Tarikh Melihat, Mengambil Dan Menghantar Borang Tawaran (Waktu Bekerja)	
28/08/2023 (Isnin)	28 Ogos 2023 (Isnin) – 02 September 2023 (Sabtu)	
	Isnin - Khamis	Pagi : 8.30 - 11.30
		Petang : 1.30 - 3.00
	Sabtu	Pagi : 8.00 Hingga 10.30 Petang : Tutup

LOT	KETERANGAN	BERTEMPAT
1	Peralatan Elektrik, Perabot, Mesin (Penghawa Dingin, SwitchBoard, Kerusi Meja, Kabinet, Almari Besi, Mesin Rumput, Timbangan).	
2	3 Buah Kenderaan (Mercedes Benz Van L608D BG 6492, Mercedes Benz Van BG 6512, Bedford Tender Truck TL1630 BG 6493).	Kawasan Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, JKR Sinarubai.
3	1 Buah Kenderaan (Mercedes Benz Mobil Telescope Platform Crane 809 BG 8016)	
4	Peralatan Pancaragam Alat-Alat Muzik & Audio.	
5	Peralatan Angkat Berat (Sukan).	



Makluman Iklan Lanjutan

Bilangan Sebut Harga :
ATELS / 2023 / LTK-COMMS-01

Sebut Harga Bagi To Provide Services For International Leased Line Between DCA Brunei With Four International Institutes At Brunei International Airport.

Tarikh Tutup Dilanjutkan
Sehingga :
Selasa,
29 Ogos 2023.



Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan

Kes No. BCY / CP / 295 / 2022

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
- Pembiutang Penghakiman / Pemetiyan

Mohammad Shatria bin Haji Mohd Shafri (00-292100)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Tarikh Petisyen :
22 Disember 2022



Pusat Pembangunan Belia

Kenyataan Tawaran
Tender Notice

Tajuk Tawaran :
Kontrak Penggal Dua Puluh Empat (24) Bulan Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Landskap Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tender Title:
Term Contract Twenty Four (24) Months Grass Cutting and Landscape Maintenance At Youth Development Centre, Ministry Of Culture, Youth and Sports, Tanah Jambu Main Road, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran /
Tender Reference :**
08 / 2023 / KKBS / PPB / 04



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2023 / LB / TA / 013 - Digital Disruptive Pattern (D2P) RBLF Uniform C/W Velcro At Both Arms.

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2023 / LB / TA / 014 - Pembelian Bergen Pixelated (D2P) Bagi Tentera Darat Diraja Brunei.

Yuran Tawaran 1 & 2 :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 12 September 2023.

Tarikh Tutup Tawaran 1 & 2 :
Selasa,
12 September 2023.
Jam
2.00 Petang.



Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2023 / LB / TA / 015 - Pembelian Rain Gear Bagi Tentera Darat Diraja Brunei.

Yuran Tawaran 1 :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 12 September 2023.

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2023 / LB / TA / 016 - Pembelian Jungle Hat D2p Pattern Bagi Tentera Darat Diraja Brunei.

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2023 / LB / TA / 017 - Pembelian Short Sleeve PT-Shirts Green Bagi Tentera Darat Diraja Brunei.

Yuran Tawaran 2 & 3 :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 12 September 2023.

Tarikh Tutup Tawaran 1, 2 & 3 :
Selasa, 19 September 2023.
Jam 2.00 Petang.



Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan

Kes No. BCY / CP / 295 / 2022

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
- Pembiutang Penghakiman / Pemetiyan

Mohammad Shatria bin Haji Mohd Shafri (00-292100)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Tarikh Petisyen :
22 Disember 2022

b.) Semua sipiutang kepada nama

Notis Kepada Pembiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan

bertarikh 24 Jun 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pembiutang-pembiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9), Mahkamah Besar pada 25 September 2023, jam 9.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan

ini.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 25 September 2023, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pembiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
8 Julai 2023

Mohammad Marzuqi bin Sabtu Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

جوالن سالینان كهبر ۲ دیكينتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPANAH GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima
pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam
[laman galeri Infofoto \(www.infofoto.gov.bn\)](http://www.infofoto.gov.bn)
dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil
oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

LAKSANAKAN AMALAN PERNIAGAAN BERETIKA

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Ogos. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna ingin menasihatkan para peniaga untuk sentiasa mengamalkan amalan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab berikutnya penahanan sementara kadar duti eksais bagi bahan mentah plastik



JABATAN Perancangan Ekonomi dan Statistik semasa membuat pemantauan penjualan barang plastik.

serta tidak memberi justifikasi yang boleh mengelirukan pengguna.

Semasa pemantauan yang dijalankan oleh JPES, para peniaga telah diingatkan untuk mempraktikkan amalan penetapan harga yang wajar bagi mengekalkan persekitaran perniagaan yang sihat dan meningkatkan kepercayaan pengguna, serta menyumbang

kepada menjayakan inisiatif dalam memelihara alam sekitar.

Para pengguna digalakkan untuk menggunakan barang kitar semula dan mesra alam ke arah menyokong pasaran dan ekonomi yang hijau serta mampam.

Sebarang pertanyaan mengenai kenaikan harga yang tidak munasabah berikutnya penahanan sementara kadar

dutti eksais boleh disalurkan kepada JPES bagi penelitian lanjut. JPES akan terus memantau perkembangannya.

Pertanyaan boleh disalurkan melalui saluran rasmi aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan Talian Darussalam 123 (TD123), dengan menyertakan keterangan aduan dan dokumen sokongan sebagai bukti.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun PenggunaBijak



DBP sediakan pelbagai aktiviti cuti persekolahan

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Ogos. - Aktiviti cuti persekolahan anjuran Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dihasrat akan dapat

meningkatkan budaya membaca dan mendedahkan lebih banyak lagi mengenai perpustakaan dengan menggalakkan orang ramai menjadi ahlinya (kiri, kanan dan bawah kanan).

AKTIVITI cuti persekolahan anjuran Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dihasrat akan dapat meningkatkan budaya membaca dan mendedahkan lebih banyak lagi mengenai perpustakaan dengan menggalakkan orang ramai menjadi ahlinya (kiri, kanan dan bawah kanan).



oleh pengunjung khususnya kanak-kanak dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat melalui aktiviti yang telah disediakan oleh pihak perpustakaan semasa cuti persekolahan ini," ujarnya.

Beliau menyarankan orang ramai untuk terus mengunjungi mana-mana cawangan perpustakaan yang berdekatan untuk mengikuti kegiatan membaca buku dan menyertai aktiviti yang telah disediakan.

Aktiviti cuti persekolahan penggal kedua diadakan sejak 21 Ogos hingga 31 Ogos nanti bermula jam 9.00 hingga 11.30 pagi.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah membaca selama 10 minit; cawan bertuah; teka teki pantun; lompat si kancil; siapa cepat, teka saya; iSpy; uji minda; simban; fokus dan sebagainya mengikut hari yang ditentukan.

Tujuannya aktiviti berkenaan diadakan untuk mengisi masa

lapang kanak-kanak dengan mengikuti aktiviti-aktiviti melalui kegiatan luar sekolah di samping menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan pengalaman serta mengeratkan lagi silaturahim di antara orang ramai dengan kaitangan perpustakaan.



Ketua Cawangan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Lambak Kanan, Dayang Norsalma binti Maidin ketika ditemui berkata, aktiviti yang diungkayahkan itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai serta mendapat perhatian padu daripada ibu bapa.

"Manfaat yang dapat diperoleh

KETUA Cawangan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Lambak Kanan, Dayang Norsalma binti Maidin.



SEBUAH SYARIKAT DIKENAKAN DENDA KOMPAUN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait

BELAIT, Khamis, 24 Ogos. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait mengeluarkan denda kompaun terhadap sebuah syarikat semasa pemantauan harian dilaksanakan di beberapa kawasan di bawah kawalan Jabatan Daerah Belait.

Syarikat tersebut dikenakan denda kompaun sebanyak BND500 kerana telah menyalahi di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, 2021 (Penggal 30), Bab 12 (1) (d) iaitu menggugur, menumpah atau menghamburkan sebarang habuk, pasir, tanah liat, tanah gambur, batu kerikir, rumput, jerambi, tatal, habuk kayu, abu, kotoran kebun, kotoran bangsal, kotoran perniagaan, baja, sampah atau apa jua barang dan bahan lain di sebarang tempat awam, sama ada dari sesebuah kenderaan yang bergerak atau tidak atau dalam apa jua cara lain.

Syarikat terbabit telah pun menjelaskan denda kompaun berkenaan dan jika gagal menjelaskan pembayaran, syarikat berkenaan boleh didakwa ke mahkamah.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan

Daerah Belait sekali lagi memberi peringatan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pembuangan sampah di tempat awam iaitu mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini, jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab ini boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Operasi pemantauan harian ini



SYARIKAT tersebut dikenakan denda kompaun sebanyak BND500 kerana telah menyalahi di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, 2021 (Penggal 30), Bab 12 (1) (d).

adalah bertujuan bagi memastikan kebersihan persekitaran agar lebih terjaga dan mana-mana individu atau syarikat yang melakukan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang telah disediakan.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait, sentiasa memberi peringatan kepada mana-mana individu ataupun badan-badan korporat agar mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini bagi sama-sama menjaga kebersihan kawasan dan alam

sekitar dengan membuat bahan-bahan buangan di kawasan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sebarang aduan, bolehlah menghubungi menerusi talian +673 3334335 sambungan 1404 atau 1153 (Unit Penguatkuasaan).

Si Raja Sungai

Oleh : Mardani Haji Mahadi, Haji Md. Dinie Haji Mahadi (Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan)
Foto : Jabatan Perhutanan Brunei

BUAYA adalah haiwan reptilia yang memainkan peranan penting bagi mengimbangi ekosistem dengan mengawal jumlah populasi spesies di bawah rantai pemakanannya dari terus membak. Walaupun demikian, persepsi masyarakat terhadap buaya adalah berbeza, spesies ini sering digambarkan sebagai binatang pemangsa yang ganas dan membahayakan manusia.

Kebelakangan ini, isu keberadaan buaya semakin menular melalui platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook, Instagram. Penularan ini adalah disebabkan oleh perkembangan arus teknologi yang canggih dan cepat yang mana gambar dan video sering diviralkan dan menjadi topik yang trending di media sosial. Keberadaan buaya menceroboh ke tempat-tempat yang tidak sepatutnya berlaku seperti tempat-tempat riadah, kawasan

perkampungan, kolam-kolam ikan, tapak perladangan pertanian dan sebagainya.

Perkara ini telah pun menimbulkan kerisauan dan keimbangan terutama bagi orang awam yang berkongsi habitat dengan spesies ini sehingga ada yang beranggapan bahawa populasi buaya semakin meningkat dan boleh mengancam keselamatan orang ramai. Justeru itu orang ramai berharap pihak berkuasa hendaklah bertindak memindah atau membunuh buaya-buaya ini.

Negara Brunei Darussalam mempunyai dua spesies buaya iaitu buaya penjulung (*Tomistoma schlegelii*) yang telah diklasifikasikan spesies *least concerned* oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List of Threatened species dan buaya air masin (*Crocodylus porosus*). Kedua-dua spesies ini adalah

tersenari di bawah Red List IUCN di bawah Kategori Vulnerable.

Kedua-dua spesies buaya ini juga tersenari di dalam Appendix 1, Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) dan diklasifikasikan sebagai spesies terancam dan hanya boleh diperdagangkan untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan. Walau bagaimanapun, spesies ini diklasifikasikan sebagai spesies terancam dan ia tidak dilindungi di bawah Bab 102 Akta Perlindungan Hidupan Liar Brunei Darussalam.

Perdagangan buaya bagi Negara Brunei Darussalam hanya akan dapat dipertimbangkan oleh badan CITES dengan terlebih dahulu menurunkan taraf klasifikasi buaya dari Appendix I kepada Appendix II yang mana perkara ini adalah di bawah kawal seliaan Perintah Flora dan Fauna Liar Brunei 2007.

Peningkatan insiden konflik manusia-buaya ini memerlukan perancangan dan strategi pengurusan

yang lestari untuk mengawal populasi buaya di Negara Brunei Darussalam. Penilaian menyeluruh, pemahaman mengenai spesies dan pengenalpastian punca-punca berlakunya konflik manusia dan buaya perlu dititikberatkan kepada orang ramai agar dapat mengurangkan risiko dan juga mengurangkan ketegangan tekanan konflik manusia. Pembaragan maklumat terkini dan program kesedaran awam mengenai konflik buaya ini harus dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman orang ramai tentang spesies ini. Langkah-langkah the do's & don'ts adalah instrumental untuk difahami orang ramai bagi mengurangkan risiko serangan buaya. Jabatan Perhutanan ingin menyarankan kepada orang ramai untuk menjaga kebersihan persekitaran dan mengurangkan pembukaan kawasan hutan bakau terutamanya di kawasan yang berpotensi menjadi habitat buaya.

Bagi awda yang ingin untuk mengetahui lebih lanjut, awda boleh melayari di Instagram *forestry.brunei*.



'Sinjang Malas' Wadi menjadi pilihan masa kini

Rencana : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Ihsan Wadi Amin

BIAR pun zaman berubah, busana tradisional yakni pakaian seperti Baju Melayu masih menjadi pilihan utama bagi jejaka Melayu setiap menghadiri acara-acara seperti majlis perkahwinan, atau bila menjelangnya Syawal.

Gandingannya menambah segak dalam pakaian tradisi berkenaan tentu sekali kain samping atau lebih sinonim dengan panggilan sinjang yang biasanya terdiri daripada fabrik songket tenun baik dengan benang emas mahupun perak.

Bagi pemilik atau pereka sinjang yang kini dikenali dengan nama 'Sinjang Malas' Mohammad Aera Wadi bin Mohd. Amin, samping adalah wajib dipakai dengan Baju Melayu sebagai pelengkap penampilan seorang lelaki.

Namun dia perlu mengakui trend anak muda yang kini gemar memakai Baju Melayu hanya dengan seluar jeans tanpa mengenakan samping atau sinjang atas alasan 'rimas' dan malas untuk mengolah sinjang yang dikenakan lebih-lebih lagi bila ianya terpaksa dilepaskan semula dan diolah kembali.

"Memakai samping adalah wajib sebab ia pelengkap kepada Baju Melayu, namun kesulitan dalam mengenakkannya atau di negara kita dipanggil 'menapih sinjang' merupakan suatu kesukaran bagi sesetengah orang. Bermula dari sini jugalah timbulnya idea untuk saya mencipta 'Sinjang Malas', " terang Mohammad Aera Wadi, memulakan cerita.

Mohammad Aera Wadi, 42 tahun, atau lebih dikenali dengan panggilan Wadi yang menetap di Kampung Perpindahan

Mata-Mata Gadong berkata awal mula jatuh cinta dengan menghasilkan 'Sinjang Malas' ini apabila ketika itu ianya merupakan seorang penari tradisional yang sering kali mengenakan kostum Baju Melayu dengan sinjang tapis sendiri dan terdetik dalam fikiran kenapa tidak sinjang tersebut dimatikan sahaja dengan mengenakan velcro?

Namun demikian, niat untuk membuatnya belum terlaksana, hingga pada tahun 2022 apabila adik kepada Wadi mengongsikan gambar sinjang siap pakai yang diperoleh dari Google dan mengesyorkan untuknya mencuba membuatnya.

"Alhamdulillah, saya berhasil membuat satu sinjang dalam masa empat jam, namun kini ia bukanlah sesuatu yang rumit untuk saya hasilkan di mana sekarang saya mampu menghasilkan satu sinjang dalam masa 30 minit tertakluk kain sinjang berkenaan dan mengongsikan hasil ciptaan sinjang yang saya namakan 'Sinjang Malas' saya kepada keluarga dan kemudian mereka kongsikan kepada yang lain maka di sinilah saya mula aktif menghasilkan 'Sinjang Malas' ini dan mula viral hasil sentuhan saya," jelasnya.

Tambah Wadi lagi, bermula pada tahun 2022 (empat hari sebelum puasa) mula terfikir untuk lebih aktif menghasilkan 'Sinjang Malas' bagi memudahkan kaum lelaki mengenakkannya terutama sekali bagi mereka yang tidak berapa arif dalam pemakaian atau mengenakan sinjang dan juga kepada warga emas.

Walaupun tidak pernah mengikuti

mana-mana Kursus Jahitan, namun berkat dorongan dan didikan daripada ibu beliau iaitu Siti Hawa binti Haji Abdullah, bermula dari usia 11 tahun Wadi sudah mula mahir dalam jahitan hingga ke hari ini.

Penghasilan pembuatan 'Sinjang Malas' / Modal

Menyentuh penghasilan pembuatan 'Sinjang Malas' ini pula, Wadi mampu menghasilkan 30 hingga 50 pasang sinjang dalam sebulan. Manakala bahan-bahan untuk membuatnya pula boleh didapati dari kedai-kedai yang menjual barang jahitan pakaian.

Dalam menghasilkan 'Sinjang Malas' ini pula, perkara utama yang amat Wadi titikberatkan ialah penghasilan kualiti jahitan beliau.

Dari segi modal pula Wadi turut menjelaskan di mana anggaran modal tidak memerlukan banyak dalam bidang ini. Sementara barang yang diperlukan pula hanya memerlukan modal dalam anggaran BND100 untuk dua ke tiga bulan sahaja.

Kenangan dan pencapaian

Sepanjang melibatkan diri dalam pembuatan sinjang ini, memang terdapat banyak kenangan baik yang manis atau pahit, suka dan duka. Antara kenangan manis apabila menerima begitu banyak tempahan, manakala kenangan kurang manis pula apabila tidak menerima tempahan 'Sinjang Malas' kerana ketika itu belum banyak yang mengetahui tentang 'Sinjang Malas' hasil rekaan Wadi.

Sejak berkecimpung dalam bidang pembuatan 'Sinjang Malas' ini, ujar Wadi antara pencapaian terbesarnya apabila menerima tempahan untuk sambutan Hari

Raya 2023 di mana tempahan ketika itu sudah dibuka sejak bulan Disember 2022 di mana target atau sasaran telah melebihi 200 tempahan dan kini ia juga mempunyai mesin jahit baharu hasil dari pendapatan tempahan awal 2022.

Sejauh ini pula sambutan daripada orang ramai bagi 'Sinjang Malas' rekaan Wadi amat memuaskan dan rata-rata mereka amat berpuas hati dengan hasil jahitannya hingga sekarang.

Perancangan masa hadapan

Tentang perancangan seterusnya pula Wadi juga turut membuat beberapa perancangan.

"InsyaAllah ada masa saya akan membuka Kursus Jahitan Sinjang. Buat masa ini saya sudah ada seorang murid (Haslina Haji Abu Bakar), sepupu saya sendiri yang menetap di Kampung Meragang. Dan Alhamdulillah penghasilan yang didapati dari sepupu saya sendiri sangat memuaskan dan ini sekali gus memberikan saya peluang untuk membantu sepupu saya menghasilkan pendapatan sendiri daripada pembuatan sinjang," tambahnya.

Sehubungan dengan itu juga, Wadi turut memberi saranan kepada mereka di luar sana agar tidak takut untuk mencuba membuat sesuatu yang mendatangkan hasil, apa yang penting kita perlu mencuba dahulu baru kita akan tahu dan belajar serta teruskan belajar.

Bagi mereka yang berkeinginan mengetahui lebih lanjut lagi dan mencuba 'Sinjang Malas' ini atau menempah bolehlah menghubungi +673 8912960 atau melayari Instagram : wadiamin dan Facebook : Wadi Amin.





Cuti sekolah

Oleh : Ubaidah Al-Jarrah
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

BABU, babah, cuti sekolah inda lagi batah, kan ke mana kitani?" tanya Farid kepada kedua orang tuanya.

"Lai..cuti sekolah ani kitani bercuti di dalam negeri saja. Babu babah kan membawa melawat ke tempat-tempat menarik yang ada di Brunei ani. Banyak tempat-tempat menarik yang belum abang dan alai lawati dan terokai," jawab Anisah kepada kedua orang anaknya.

"Wah, alai inda sabar eh kan melawat-lawat ani, mesti siuk kan!" jawab Alyaa keriangan.

Kedua orang tuanya, Anuar dan Anisah sedang menantikan untuk memulakan pengembalaan cuti sekolah yang tak terlupakan di Brunei, negara kecil dan indah di Asia Tenggara. Bersama anak-anak mereka, mereka merancang jadual yang menarik untuk percutian mereka. Disebabkan mereka berdua hanya dapat bercuti selama seminggu sahaja jadi mereka merancang untuk membuat percutian di dalam negara sahaja.

Hari yang dinantikan sudah tiba. Hari pertama cuti persekolahan mereka, mereka mengunjungi ke tempat pertama dalam senarai iaitu Muzium Alat Kebesaran Diraja, di mana khazanah warisan dan perhiasan Alat-alat Kebesaran Diraja Brunei dipamerkan dalam segala kemegahannya. Galeri pameran di sini memaparkan Alat-alat Kebesaran Diraja dan peristiwa bersejarah di Brunei, termasuk Istiadat Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Sambutan Jubli Perak dan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Galeri ini menyajikan gambar, objek, dan model bahan yang menggambarkan kehidupan dan perjalanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari zaman kanak-kanak hingga pemerintahan selama lima dekad atas takhta kerajaan.

Farid dan Alyaa terpukau dengan koleksi keris-keris upacara yang berkilauan, mahkota bertatahkan berlian, dan artifik-artifik kebesaran lain yang megah.

"Wow, cantiknya," puji Alyaa sambil memandang permata-berlian diraja yang kilau-kemilau.

Farid mengangguk setuju, "Awu dik! Abang pun belum pernah melihat begitu banyak barang berharga sebelum ani."

Selepas puas melihat dan mendalami setiap galeri yang ada di dalam Muzium itu, mereka meneruskan pengembalaan mereka ke Muzium Teknologi Melayu yang terletak di Kota Batu. Muzium ini mempamerkan pelbagai teknologi tradisi yang digunakan oleh penduduk tempatan di Negara Brunei Darussalam. Muzium ini banyak mempamerkan teknologi-teknologi tradisi yang digunakan oleh penduduk di Kampong Ayer dan masyarakat tempatan yang tinggal di kawasan darat suatu zaman dahulu.

"Wah, Brunei mempunyai sejarah yang begitu menarik," komen Farid.

Anuar tersenyum dengan bangga, "Betul, anakku. Kitani harus bangga dengan warisan yang kita miliki dan mesti berusaha untuk menjaganya."

Keesokan harinya mereka meneruskan pengembalaan mereka ke Kampong Ayer yang merupakan penempatan terapung yang terbesar di dunia. Mula-mula mereka menaiki perahu tambang yang menawarkan pemandangan indah Sungai Brunei dan melihat keunikan budaya penduduk Kampong Ayer yang diwarisi sejak turun-temurun sebelum berjalan kaki melalui laluan-laluan kayu dan jambatan yang kaya dengan budaya dan sejarah.

"Kampong Ayer ani juga dikenali dengan nama 'Venice of The East' oleh pelancong asing. Menyusuri Sungai Brunei melihat deretan rumah kayu di Kampong Ayer ani adalah aktiviti wajib bagi pelancong kerana kunjungan ke negara kitani yang terkenal dengan hasil minyak inda akan lengkap jika inda melawat ke Kampong Ayer," terang Anuar kepada anak-anaknya.

Mereka juga melawat ke Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer, yang mempamerkan sejarah, tradisi, dan seni permukiman ini. Terdapat juga kedai cenderamata dan menara pandang yang menawarkan pemandangan panorama Sungai Brunei dan kawasan sekitarnya. Lawatan berjalan kaki mereka membawa melihat perkampungan di atas air yang

memang unik dengan binaan rumah-rumah Melayu, sekolah, balai polis, balai bomba dan sebagainya.

Kemudian mereka singgah ke sebuah restoran terapung di Kampung Setia 'A' yang menyajikan soto istimewa, masakan-masakan tradisional dan menawarkan pemandangan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, jambatan berkabel pertama Brunei. Mereka menghabiskan pengembalaan mereka di Kampong Ayer pada hari itu dengan menikmati waktu petang dengan menyaksikan matahari terbenam dari jeti.

Aktiviti cuti sekolah mereka diteruskan ke Taman Mahkota Jubli Emas yang merupakan taman tepi sungai seluas 12 hektar yang terletak bersebelahan dengan Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang megah dan Kampong Ayer. Taman ini mempunyai laluan berbasikal yang indah dan deretan taman yang cantik, memberi peluang yang sempurna untuk berbasikal, beriadah dan menikmati keindahan alam semula jadi.

"Mari kitani berbasikal dan berjalan-jalan di taman ani," cadang ayah mereka dengan penuh semangat.

Mereka semua setuju dengan senyuman ceria, dan mereka berbasikal dengan riang di sepanjang taman yang hijau. Mereka juga tidak melepaskan peluang untuk bergambar di The Frame Brunei Darussalam yang berlatarbelakangkan Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Apabila masuk waktu untuk menuaikan solat fardu, mereka mengambil kesempatan untuk solat berjemaah di masjid tersebut.

Seterusnya dalam senarai cuti sekolah mereka adalah Jerudong Park Playground, taman hiburan besar yang menawarkan pelbagai permainan yang menyeronokkan. Farid dan Alyaa dengan bersemangat mencuba permainan-permainan yang menarik seperti Roller Coaster, Ferris Wheel, Carousel, Pirate Ship dan macam-macam lagi.

"Marilah, adik! Mari cuba permainan lain!" seru Farid, menarik Alyaa ke permainan menarik yang lain.

Alyaa ketawa dengan riang, "Ya, abang! Seronoknya!"

Pada hari terakhir pengembalaan mereka, mereka melawat ke Pusat Penemuan Minyak dan Gas (Oil and Gas Discovery Centre) yang terletak di Seria, Kuala Belait. Tempat ini mempunyai pameran interaktif yang bertujuan untuk memberi pengajaran mengenai industri minyak dan gas, yang merupakan salah satu asas ekonomi negara. Tarikan yang dipenuhi pelbagai info interaktif ini menyediakan maklumat terperinci tentang pengekstrakan minyak pantai dan proses penapisan. Pusat sains yang dianggap sebagai mercu tanda saintifik negara ini turut menyediakan bengkel robotik, bengkel teknologi dan kem untuk saintis muda.

"Babu, minyak dan gas ani pentingkah untuk Brunei?" tanya Alyaa.

Ibunya menjelaskan, "Ya, sayangku. Minyak dan gas adalah sumber pendapatan utama kita, dan ia telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan pesat negara kita."

Setelah seminggu pengembalaan yang menyeronokkan, Farid dan Alyaa berasa sangat gembira dan bersyukur kerana mempunyai Brunei sebagai tanah air mereka. Mereka telah meneroka banyak tempat menarik dan mendapat pengalaman berharga tentang negara mereka. Pengembalaan yang mereka lalui tidak hanya memperkayakan pengetahuan mereka mengenai sejarah dan budaya negara, tetapi juga mengukuhkan lagi rasa kasih sayang mereka kepada Brunei.

Hampir buka sekolah, Farid dan Alyaa tidak sabar untuk berkongsi pengalaman mereka dengan rakan-rakan, dengan harapan untuk menginspirasi orang lain untuk meneroka keajaiban Brunei Darussalam - negara kecil yang kaya dengan khazanah dan warisan seni serta budaya yang diwarisi sejak zaman berzaman. Sambil menanti cuti sekolah seterusnya, mereka tahu bahawa masih banyak tempat menarik untuk dilawati dan diterokai di tanah air tercinta mereka, Brunei Darussalam.

MEMUDAHKAN PENGURUSAN PENGEBUMIAN JENAZAH



MAJLIS Penyerahan Infak Lampu Mudah Alish tersebut merupakan satu projek pendekatan kepada masyarakat dengan kerjasama Perusahaan Din Al-Islam (kanan), manakala gambar kiri, sesi bergambar ramai.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Ogos. - Ke arah memberi kemudahan kepada orang ramai dalam melaksanakan kerja-kerja pengurusan pengebumian jenazah terutamanya pada waktu gelap atau waktu malam, beberapa set lampu mudah alih di masjid-masjid telah diserahkan oleh Kumpulan Tanweer yang dianggotai beberapa orang

pegawai kanan kerajaan yang sedang mengikuti Program Pembangunan Eksekutif Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kohort Ke-34.

Majlis Penyerahan Infak Lampu Mudah Alish tersebut merupakan satu projek pendekatan kepada masyarakat (*community outreach program*) dengan kerjasama perusahaan Din Al-Islam (sebuah perusahaan

yang menyediakan set kelengkapan jenazah yang siap untuk digunakan).

Majlis berlangsung pagi tadi bertempat di Bilik Sepakat 5, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Atur cara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Kumpulan Tanweer, Awang Ismayadi Sugara bin Asrul Hayati, diikuti dengan acara penyerahan set-set lampu oleh ketua kumpulan kepada imam-imam Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Kampung

Pulaie dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan yang mana masjid-masjid tersebut dikenal pasti menyediakan perkhidmatan pengurusan jenazah.

Juga hadir, wakil Institut Perkhidmatan Awam, Ketua-ketua Imam Masjid, Pemangku Ketua Kampung Kiarong 1 dan 2, Pemangku Ketua Kampung Anggerek Desa dan Kampung Pulaie, Pemangku Ketua Kampung Kawasan RPN Lambak Kanan, wakil Bank

Islam Brunei Darussalam (BIBD) serta Pengasas Perusahaan Din Al-Islam.

Majlis antara lain bertujuan untuk meningkatkan keprihatinan di samping memupuk budaya berinfak dalam kalangan masyarakat di negara ini dan diharap projek ini akan berjaya dalam mencapai tujuannya dengan adanya kerjasama yang padu serta sikap pemedulian daripada pelbagai pihak yang berkepentingan.

Kumpulan Pengangun kunjungi Mahkamah Syariah



SERAMAI 40 orang daripada rombongan Pengangun di seluruh negara mengadakan lawatan ke Mahkamah Syariah Daerah Brunei dan Muara di Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah, Jalan Stoney (atas dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto :
Perkumpulan Pengangun-Pengangun Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Ogos. - Seramai 40 orang daripada rombongan Pengangun di seluruh negara mengadakan lawatan ke Mahkamah Syariah Daerah Brunei dan Muara di Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah, Jalan Stoney, kelmarin.

Rombongan lawatan Perkumpulan Pengangun-Pengangun Brunei yang diketuai oleh Dayang Hajah Ajijah binti

Haji Momin, dialu-alukan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan di jabatan berkenaan.

Lawatan ilmiah tersebut bertujuan untuk melengkapkan diri ahli kumpulan dengan ilmu-ilmu dan statistik pernikahan, penderaan serta kes perceraian di Negara Brunei Darussalam termasuk bagi memahami penyebab penderaan dan perceraian itu berlaku.

Melalui penerangan-penerangan yang dikongsikan, para Pengangun

akan dapat menerapkan dalam khidmat mereka kepada bakal-bakal pengantin.

Semasa lawatan tersebut, ahli rombongan juga berpeluang untuk menyayal apa juu kemosyikilan mereka mengenai pernikahan, penderaan dan perceraian.

Pada hujung lawatan, Timbalan Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Dayang Hajah Wan Zuraina binti Dato Paduka Haji Abd Rahman menyampaikan cenderahati kepada rombongan yang diserahkan kepada Dayang Hajah Ajijah.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TIPS MEMUAT NAIK

PENTING:
Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

#1 Format fail yang betul
PDF: Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

#2 Saiz fail tidak melebihi 3MB

#3 Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna

#4 Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)





BRICS TIDAK CARI PERSAINGAN DENGAN SESIAPA

dunia multipolar baharu, kata Presiden Rusia Vladimir Putin pada Khamis, lapor Xinhua.

"BRICS tidak bersaing dengan sesiapa dan tidak berusaha untuk bertindak sebagai pengimbang kepada sesiapa," kata presiden semasa berucap secara maya

MOSCOW, 25 Ogos. - Negara-negara BRICS tidak bersaing dengan sesiapa dan menyokong pembentukan orde

pada mesyuarat format BRICS Plus/Outreach.

Beliau berkata negara-negara BRICS kesemuanya adalah penyokong dunia multipolar yang sedang muncul, sambil menambah bahawa trend itu ditentang oleh negara-negara tertentu.

Orde dunia multipolar mempunyai pihak yang menentangnya dan "berusaha untuk menghentikan proses itu"

serta mengekang pusat-pusat kuasa baharu, kata Putin.

"Negara-negara yang dikenali 'Golden Billion' ini telah berusaha keras untuk memelihara dunia unipolar... ia sesuai untuk mereka, dan mereka lah yang mendapat manfaat daripadanya," katanya.

Pemimpin Rusia itu menyifatkan perkembangan tersebut sebagai "manifestasi kolonialisme," sambil menambah bahawa

negara-negara ini "bersembunyi di sebalik slogan demokrasi dan hak asasi manusia" sambil mengeksploitasi sumber negara membangun.

Negara-negara BRICS menentang amalan sedemikian, dan telah membina kerjasama mereka atas prinsip kejujuran, kesaksamaan, dan saling menghormati, kata Putin.

- ©BERNAMA

Biden akan sertai Sidang Kemuncak G20 di New Delhi pada September

WASHINGTON, 23 Ogos. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden akan berlepas ke India pada September untuk menghadiri sidang kemuncak G20, kata Penasihat Keselamatan Negara Jake Sullivan pada Selasa, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Biden akan ke New Delhi dari 7 hingga 10 Sept, selain dijadual mengadakan pelbagai perbincangan di luar mesyuarat itu.

Antara agenda perbincangan dalam pertemuan dua hala di New Delhi itu merangkumi isu global, seperti usaha menangani perubahan iklim, isu tenaga serta mengurangkan kesan ekonomi dan sosial daripada pencerobohan Rusia terhadap Ukraine.

Sidang kemuncak Ketua Negara dan Kerajaan G20 akan berlangsung di New Delhi pada 9 dan 10 Sept.

G20 merangkumi Kesatuan Eropah (EU) dan negara ekonomi utama, termasuk AS, China, Rusia dan Jerman.

Biden tidak akan menghadiri sidang kemuncak ASEAN di Jakarta, Indonesia, sebaliknya diwakili Naib Presiden Kamala Harris yang akan ke Jakarta dari 4 hingga 7 Sept.

Ketika ditanya sama ada ketidakhadiran Biden itu akan mengecewakan rantaunya berkenaan, Sullivan berkata sebelum ini tiada presiden lain yang amat komited terhadap rantaunya Indo-Pasifik seperti mana yang ditunjukkan oleh Presiden AS itu. - ©BERNAMA

2 maut dalam kebakaran hutan di Peru

LIMA, 23 Ogos. - Sekurang-kurangnya dua orang terbunu, 12 yang lain cedera dan dua lagi masih hilang dalam kebakaran hutan di wilayah Apurimac di Peru, kata Pusat Gerakan Kecemasan Kebangsaan dalam satu kenyataan pada Selasa, lapor Xinhua.

Kebakaran bermula pada Ahad di daerah Ihuayllo, menyebabkan banyak ternakan terjejas dan kemasuhan persekitaran semula jadi, katanya.

Mereka yang cedera sedang dirawat di hospital dan di pusat kesihatan di Chalhuanca, lapor media tempatan.

Beberapa daripada mereka berada dalam keadaan "serius" dan akan dipindahkan ke Lima dengan menggunakan helikopter tentera.

Kebakaran itu telah menjelaskan kira-kira 200 hektar fauna, flora dan rumah di daerah itu, lapor Radio Programas del Peru, memetik sumber polis.

Institut Pertahanan Awam Negara sedang memantau keadaan serta melaksanakan penyelarasan dengan institusi tempatan dan wilayah yang lain untuk membantu penduduk yang terjejas. - ©BERNAMA

Semua yang terkandas 15 jam dalam kereta kabel di Pakistan diselamatkan

ISLAMABAD, 23 Ogos. - Komando tentera Pakistan dan sukarelawan tempatan berjaya menyelamatkan kesemua lapan orang termasuk enam pelajar sekolah yang terkandas dalam kereta kabel yang rosak selepas 15 jam, kata pegawai, lapor agensi berita dpa.

Mereka terperangkap pada kira-kira 7 pagi Selasa apabila tiga wayar keluli kereta kabel yang mereka naiki untuk melintasi jurang antara dua gunung terputus, kata pegawai polis tempatan Tahir Ayub.

Perdana Menteri Anwar-ul-Haq Kakar mengumumkan operasi itu selesai kira-kira 11 malam. - ©BERNAMA

Pelancaran satelit pengintip Korea Utara gagal lagi

SEOUL, 24 Ogos. - Percubaan kedua Pyongyang untuk melancarkan satelit pengintip tentera ke orbit telah gagal, lapor media negara itu pada Khamis.

Pelancaran roket yang membawa satelit pengintip Malligong-1 berlaku pada awal pagi Khamis dari sebuah tapak pelancaran di wilayah Pyongan Utara, Agensi Berita Jerman (dpa) memetik Agensi Berita Korean Central News Agency (KCNA).

Agensi tersebut melaporkan

bahawa fasa pertama dan kedua pelancaran roket berjalan seperti yang dirancang, tetapi kegagalan berlaku "disebabkan oleh ralat dalam sistem letupan kecemasan semasa penerbangan peringkat ketiga".

Pentadbiran Pembangunan Aeroangkasa Kebangsaan (NADA) Korea Utara berkata pihaknya akan mencuba pelancaran ketiga pada Oktober berikutnya siasatan mengenai sebab kegagalan itu, kata KCNA.

Pada pagi Khamis, kerajaan

Jepun berkata Korea Utara telah melancarkan peluru berpandu merentasi selatan Jepun ke arah Lautan Pasifik. Tiada laporan kerosakan selepas pelancaran itu

Jepun turut memaklumkan percubaan Korea Utara itu kepada penduduknya di kawasan terjejas menerusi sistem amaran 'J-Alert'.

Percubaan kali pertama Pyongyang melancarkan satelit pengintip tentera ke orbit dibuat pada 31 Mei, tetapi ia gagal. - ©BERNAMA

Raja Sepanyol pilih calon Popular Party untuk bentuk kerajaan

OVIEDO (Sepanyol), 23 Ogos. - Raja Sepanyol Felipe VI pada Selasa memilih calon Popular Party Alberto Nunez Feijoo untuk membentuk kerajaan.

Raja berhadapan situasi yang tidak pernah berlaku sebelum ini apabila baginda terpaksa memilih antara dua calon yang mendakwa masing-masing boleh mengumpul sokongan majoriti untuk membentuk kerajaan, lapor Agensi Anadolu.

Calon lain ialah pemimpin Socialist Party yang juga pemangku Perdana Menteri, Pedro Sanchez.

Dalam kenyataannya, Raja Sepanyol itu berkata tiada calon yang mempunyai sokongan

majoriti pada masa ini.

Walaupun parti Sanchez berjaya memperoleh majoriti undi dalam pemilihan calon speaker dewan minggu lepas, Felipe VI sebaliknya memilih calon konservatif.

Felipe VI berkata pemilihan itu adalah mengikut tradisi selepas Popular Party memenangi undi terbanyak dalam pilihan raya umum pada Julai walaupun undang-undang Sepanyol tidak menetapkan calon yang memenangi undian terbanyak perlu diberi peluang pertama untuk membentuk kerajaan.

Lebih 33 peratus pengundi Sepanyol mengundi Feijoo berbanding 32 peratus mengundi

Sanchez.

Bagaimanapun, Feijoo tidak mempunyai laluan mudah untuk meraih sokongan majoriti yang diperlukan untuk membentuk kerajaan tanpa peralihan politik yang besar atau berupaya menarik lebih banyak sokongan daripada parti wilayah, sokongan sayap kanan dan sekutu tradisional lain.

Jika percubaan Feijoo untuk membentuk kerajaan gagal, raja boleh memilih calon lain untuk membentuk kerajaan.

Jika semua percubaan gagal, ketidakstabilan politik akan kembali membenggu Sepanyol dan pengundi akan dipaksa kembali mengundi. - ©BERNAMA

Kebakaran hutan terus merebak di Greece

ATHENS, 23 Ogos. - Greece masih diancam kebakaran hutan yang kini sudah mula merebak ke beberapa pinggir bandar di utara Athens, lapor media tempatan pada Selasa.

Kebakaran yang berlaku sekitar tengah hari di bandar Fyli yang terletak 25 kilometer dari pusat bandar Athens itu terus merebak dan sukar dikawal, menyebabkan pemindahan terpaksa dilakukan, lapor Agensi Anadolu.

Api kian marak dan menghampiri Gunung Parnitha, lokasi terletaknya pangkalan radar Tentera Udara Greece.

Di bandar Aspropyrgos yang

terletak 16 kilometer (km) barat laut Athens dan menempatkan zon perindustrian utama, kebakaran telah memusnahkan atau merosakkan banyak kilang. Kebakaran itu turut

memaksa penduduk di sekurang-kurangnya tiga penempatan di kawasan berkenaan dipindahkan dan perkhidmatan kereta api di beberapa bahagian digantung.

Di bandar pelabuhan di timur laut Alexandroupolis, kebakaran sudah memasuki hari keempat.

Puluhan penempatan dan sebuah hospital telah dipindahkan dan langkah telah diambil untuk mengosongkan

bandar itu.

Sementara itu, jurucakap Perkhidmatan Bomba Negara, Yiannis Artophios, berkata sebanyak 93 kebakaran hutan berlaku dalam tempoh 24 jam lepas, kebanyakannya berjaya ditangani di peringkat awal.

Beliau berkata lebih banyak bantuan daripada Kesatuan Eropah akan tiba tidak lama lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, agensi meteorologi negara itu mengumumkan antara 19 dan 21 Ogos, sejumlah 161,874 hektar kawasan hutan di seluruh negara musnah terbakar. - ©BERNAMA

KONVOI JELAJAH NBD SEMPENA HARI KEPUTERAAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hanif A. Halit



BERAKAS, Rabu, 23 Ogos. - Konvoi Menjelajah Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun

Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun.

Konvoi yang disertai oleh para pemilik kereta Mercedes Benz dari NBD, Republik Indonesia dan Malaysia itu akan menjelajahi beberapa tempat menarik di Daerah Brunei dan Muara (DBM) seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bangunan Muzium Alat Kebesaran Diraja sebelum meneruskan pengembalaan ke Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia melalui Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelepasan konvoi di Pintu Utama, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas ialah Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Pelepasan konvoi juga disempurnakan oleh wakil dari Kedutaan Republik Indonesia di NBD, Kuasa Usaha Ad Interim (KUAI) Kedutaan Besar Republik



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelepasan konvoi di Pintu Utama, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (kiri dan atas).

Indonesia ke NBD, Irwan Iding.

Konvoi yang diadakan buat kali kelima ini dikendalikan oleh Mercedes Benz Club Brunei dengan tujuan untuk memeriahkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM,

selain untuk memperkenalkan tempat-tempat menarik untuk dilawati di negara ini yang boleh menjadi tarikan bagi kunjungan para pelancong dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan para peserta konvoi.



PERKHEMAHAN merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Tutong dan Persatuan Pengakap Daerah Tutong melibatkan 35 peserta daripada golongan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun (atas, atas kanan dan bawah).

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 23 Ogos. - Mini Inovasi Perkhemahan Belia yang diadakan selama tiga hari bermula pada 21 Ogos lalu berakhir hari ini dengan majlis penutup yang diadakan di Pusat Belia Cawangan Tutong, di sini.



Perkhemahan merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Tutong dan Persatuan Pengakap Daerah Tutong melibatkan 35 peserta

Usaha lahirkan belia berkualiti

daripada golongan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun.

Dengan bertemakan 'Kemahiran, Inovasi dan Kreativiti', berbagai aktiviti telah dilaksanakan yang mana belia dikehendaki mereka daripada kayu-kayu ranting, daun-daun, batu-batu yang mereka dapat daripada aktiviti 'Jungle Trekking' di Bukit Ambog.

Ketua Cawangan Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Tutong, KKBS, Dayang Amhra Farahiyah binti Haji Mohd Hamdilah ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut berkata, perkhemahan berkenaan adalah salah satu usaha melahirkan belia yang berkualiti, mandiri, cemerlang, produktif ke arah pembangunan sosial dan inovatif melalui kegiatan-kegiatan yang disediakan dalam perkhemahan ini.

Selain itu tambahnya, ia juga dapat mengeratkan silaturahim antara pengajar dan belia-belia di Daerah Tutong dengan menyediakan aktiviti yang mendedahkan para belia dengan aktiviti mencabar, membina keyakinan diri dan menimbulkan kesedaran dalam mewujudkan semangat kerjasama dan rasa tanggungjawab terhadap diri sendiri, kumpulan masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah dan Doa Selamat, ucapan wakil peserta dan persembahan daripada wakil peserta.

Perkhemahan merupakan salah satu daripada program sedia ada yang bertujuan memberi peluang kepada para peserta untuk berkongsi idea mengenai rekaan, persebahan dan sebagainya.



سورو هنجاي قر خدمت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERMADANI MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENG GAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.

DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERITIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.





ePaper Pelita Brunei



KEJOHANAN TERBUKA WADOKAI KARATE BUKA TIRAI



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Ogos. - Lebih daripada 400 atlet mewakili 13 Persatuan Karate dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berentap pada Kejohanan Terbuka

Wadokai Karate yang membuka tirai kejohanan hari ini, di sini.

Kejohanan yang berlangsung di Pusat Belia di ibu negara bermula hari ini sehingga 27 Ogos di mana akan menyaksikan

DATO Paduka Malai Haji Ali bin Malai Haji Othman hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya bergambar ramai bersama peserta-peserta yang menyertai Kejohanan Terbuka Wadokai Karate.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

Malai Haji Othman selaku tetamu kehormat dalam ucapan berkata bahawa Kejohanan Karate yang dianjurkan oleh WKBD ini merupakan satu arena yang dedikasi, persahabatan dan semangat persaingan.

Dalam perjalanan dunia seni mempertahankan diri jelas beliau, adalah perjalanan yang diwarnai dengan tiga perkara iaitu tradisi kuno, prinsip disiplin dan pertumbuhan diri.

"Malah dalam era moden kita, nilai-nilai ini terus dikembangkan, khususnya melalui bidang seni mempertahankan diri dan Wadokai Karate menonjol sebagai simbol keharmonian kerana ia menggabungkan teknik yang diasah melalui latihan yang intensif dengan semangat persaingan dan keseronokan," ujarnya.

Tujuan kejohanan tersebut diadakan adalah untuk mempromosikan dan membangunkan sukan Karate di NBD, terutama sekali kepada para belia dan generasi anak muda sekali gus mencapai tahap terbaik bagi diri sendiri dan pasukan melalui semangat kesukanan Karate.

Atlet negara sertai Kejohanan Bola Baling Terbuka Sarawak

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Bola Baling Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Ogos. - Pasukan Bola Baling Kebangsaan Brunei Darussalam akan menyertai jemputan Kejohanan Bola Baling Terbuka Sarawak 2023 yang akan berlangsung pada 26 hingga 30 Ogos 2023 di Kuching, Sarawak.

Kejohanan berkenaan akan diadakan bertempat di Stadium Perpaduan Petra Jaya Kucing Sarawak dan Universiti Malaysia Sarawak (UMS).

Pada kejohanan tersebut, Persekutuan Bola Baling Brunei Darussalam (BHF) menghantar dua pasukan yang terdiri

daripada pasukan wanita dan pasukan lelaki.

Sehubungan itu, seramai 24 atlet bersama empat pegawai berlepas meninggalkan negara bagi menyertai kejohanan berkenaan.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Presiden BHF, Awang Haji Kifli Jaafar.

"Dengan pendedahan ini persekutuan akan menilai sejauh mana pencapaian pemain-pemain sebenar yang selama ini yang telah menjalani latihan dan dengan

menyertai perlawan-perlawanan yang kompetitif sebenar ini kita cuba menilai segala kelemahan dan kekuatan atlet. Hasil daripada pendedahan itu nanti BHF berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi sehingga lebih mantap di samping memberikan penyesuaian pemain-pemain dalam permainan sebenar," ujar Presiden BHF.

Menurutnya lagi, pendedahan ini juga sebagai persiapan awal untuk menyertai kejohanan serantau dan antarabangsa.

Di samping itu tambanya, BHF juga sedang dalam proses mengenal pasti atlet-atlet yang benar-benar berbakat dan berkualiti di mana kebanyakan pemain adalah kali pertama terpilih mewakili negara.

Ini adalah merupakan kejohanan pertama

luar negara pada tahun ini dan penyertaan Pasukan Brunei pada kejohanan berkenaan merupakan peluang yang sangat baik dan sebagai landasan terbaik bagi mendapat pendedahan untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian pada pertandingan yang sebenar sebelum penyelesaian di kejohanan sukan serantau dan antarabangsa.

Pada kejohanan tersebut, Pasukan Brunei Lelaki yang dipimpin oleh Jurulatih, Adam Tan Chin Wai, diletakkan dalam Kumpulan D bersama Pasukan UITM S'HAN, INDERAPURA HC, dan KIJANG HC manakala Kumpulan Z iaitu X-VIXENS, H-MIX, dan BUDI LUHUR HC bagi Pasukan Wanita dipimpin oleh Jurulatih, Dayang Siti Nurzaimah binti Haji Zaim.

Tahukah Awda

1 APRIL 1962 merupakan tarikh mula tertubuhnya institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam dengan terlantiknya Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz menjadi Mufti Kerajaan Brunei. Perlantikan tersebut adalah atas keprihatinan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam Ke-28, terhadap kepentingan masa depan kedudukan Islam di Negara Brunei Darussalam. Pada 1 September 1994, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan melantik Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menjadi Mufti Kerajaan dan lantikan tersebut kekal hingga sekarang.

SUMBER : www.mufti.gov.bn.



PASUKAN Bola Baling Kebangsaan Brunei Darussalam akan menyertai jemputan Kejohanan Bola Baling Terbuka Sarawak 2023 yang akan berlangsung pada 26 hingga 30 Ogos 2023 di Kuching, Sarawak.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERBUAT BAIK, ERATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM SESAMA JIRAN TETANGGA